



Sosialis



MAHATHIR HARAPAN PEMBANGKANG ?

baca lanjut di m/s 5



**Ucapan Dasar
Kongres PSM 2017**

> m/s 6-7



**"Oh, Jeremy Corbyn!"
Parti Buruh
bangkit semula
dalam pilihanraya UK**

> m/s 12-13

**Skandal
1MDB**

1Malaysia Development Berhad

tak habis-habis

> m/s 4

Cabaran pekerja masa kini

baca lanjut di m/s 8, 9, 10 dan 14

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM)

adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah gengaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.

★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.

★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.

★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibu pejabat PSM:
Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.
<https://gabungkiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Skandal 1MDB yang menghantui rejim UMNO-BN pimpinan Najib Razak masih berterusan, dengan pendedahan terbaru daripada dokumen saman sivil oleh Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat mendapati bahawa jumlah dana 1MDB yang didakwa diselewengkan telah mencecah hampir USD 4.47 bilion (bersamaan RM19.15 bilion). Ini merupakan satu jumlah wang yang besar yang lesap ke dalam poket segelintir orang yang rapat dengan pemerintah dengan mengorbankan kepentingan awam. Kekayaan negara akan terus dibolot dan akhirnya rakyat marhaen yang akan menanggung segala kesengsaraan sekiranya kita tidak bangkit melawan kleptokrasi, iaitu pemerintahan oleh pencuri kekayaan negara.

Namun, dalam menentang penyelewengan dan menuntut perubahan, pihak pembangkang aliran utama di negara kita nampaknya tidak mampu menonjolkan kekuatan yang menyakinkan rakyat. Selain perbalahan dalaman yang melibatkan elit politik yang berpandangan sempit, penyertaan puak Mahathir dalam gabungan parti-parti pembangkang aliran utama, menghakis lagi keyakinan rakyat terhadap pembangkang yang sepatutnya membawa harapan dan prospek baru untuk perubahan sosial yang dapat menjamin keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat. Pakatan Harapan nampaknya tidak dapat lagi menawarkan diri sebagai harapan untuk rakyat, malah mereka sendiri terikut-ikut rentak Mahathir dan menganggap Mahathir sebagai harapan untuk pembangkang.

Pembongkaran isu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh rejim pemerintah adalah penting untuk menyedarkan rakyat tentang sifat sebenar rejim yang memerintah sekarang, tetapi ianya masih tidak mencukupi untuk menggerakkan perjuangan rakyat secara berkesan. Pastinya ada ramai rakyat akan marah pada kepincangan dan penyelewengan yang berlaku, tetapi kita tidak boleh mengubah nasib kita hanya sekadar dengan kemarahan. Kita perlukan visi politik yang jelas untuk berjuang. Ya, kita memang perlu tukar pemimpin yang korup, kita perlu jatuhkan rejim yang zalim, tetapi kita perlu juga ada idea atau sekurang-kurangnya bayangan tentang alternatif baru yang ingin kita wujudkan.

Perjuangan rakyat yang sebenar memerlukan visi politik yang jelas supaya dapat benar-benar menjamin kepentingan rakyat marhaen dalam proses menuntut perubahan. Harapan untuk negara kita terletak pada kuasa rakyat dari bawah, bukannya percaturan elit yang terpisah daripada visi politik untuk pembebasan rakyat. ##



Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, ■
■ maka anda boleh berlanggan terus dengan kami. ■

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 ■
■ keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu) ■

■ Nama: _____

■ Alamat: _____

■ _____

■ Telefon: _____

■ Faks: _____


■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
■ **140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields**
■ **50470 Kuala Lumpur**

■ Tel/Faks: 03-22762247

■ Laman web: <http://partisosialis.org/>

Kongres Pemuda PSM pilih pimpinan baru



Kongres Pemuda PSM telah diadakan pada 17 Jun 2017 di Kuala Lumpur. Barisan kepimpinan baru untuk Pemuda PSM telah dipilih dalam Kongres kali ini.

Berikut adalah barisan kepimpinan Pemuda PSM untuk sesi 2017-19:

Pengerusi	:	Khalid Bin Mohd Ismath
Timbalan Pengerusi	:	Sharan Raj
Setiausaha Agung	:	Hisyamuddin Shahrin
Timbalan Setiausaha Agung	:	Vennusha Priyaa
Bendahari Kehormat	:	Deeba Kathisrasan
Timbalan Bendahari	:	Tanusha

Ahli-ahli Jawatankuasa:

Ketua Biro Pendidikan

Ketua Biro Ideologi

Ketua Biro Jaringan Nasional

Ketua Biro Pekerja

Ketua Biro Alam Sekitar

Arul disiasat polis lagi



Pada 14 Jun lalu, Arutchelvan, AJK Pusat PSM, telah hadir ke Ibu pejabat Polis Daerah Kajang untuk diambil keterangannya berkenaan dengan himpunan solidariti untuk Siti Aishah di hadapan Penjara Kajang pada 1 April lalu.

Arul telah disiasat di bawah Seksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman berkenaan dengan himpunan tersebut. Aduan polis berkenaan dengan perhimpunan tersebut dibuat

oleh pihak polis sendiri. Arul diiringi oleh peguamnya, Shashi dan aktivis JERIT Nalini, semasa rakaman percakapan diambil.

Siasatan yang dilakukan ke atas Arul berkenaan aksi perhimpunan aman yang memberi solidariti kepada seseorang yang ditahan tanpa bicara di bawah akta zalim, merupakan satu lagi tindakan yang membazirkan sumber tenaga polis.

Rakyat Malaysia mempunyai hak berhimpun secara aman di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Arul hanya menyatakan bantahannya terhadap penahanan tanpa bicara yang merupakan satu pencabulan hak asasi manusia.

Intimidasi terhadap aktivis perlu dihentikan!

Bengkel pilihanraya



PSM telah menganjurkan satu bengkel persiapan jentera pilihanraya untuk cawangan-cawangan di bahagian Tengah Semenanjung pada 2 Julai lalu di Kuala Lumpur. Bengkel yang serupa akan diadakan untuk cawangan-cawangan di bahagian lain. PSM telah bersedia untuk menawarkan calon yang bersih, berani, berprinsip dan berjiwa rakyat.



Dialog dengan SUHAKAM

Pada 4 Julai lalu, pimpinan PSM telah mengadakan satu dialog dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Wakil-wakil SUHAKAM diketuai oleh Tan Sri Razali Ismail, Pengerusi SUHAKAM. Pelbagai isu berkenaan dengan hak asasi manusia telah dibincang. PSM telah mengemukakan beberapa cadangan tentang bagaimana SUHAKAM boleh memainkan peranan yang lebih berkesan dalam melindungi hak asasi manusia di negara kita. PSM berpendapat bahawa SUHAKAM harus fokus juga pada isu-isu hak sosial dan ekonomi seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan, di mana rakyat majoriti telah digasak secara berterusan oleh segelintir golongan yang mahakaya yang mahu terus mengaut keuntungan lumayan.

PSM Jelapang bantu bina semula rumah warga emas



Atas usaha Sarasvathy, Timbalan Pengerusi PSM, dan PSM Cawangan Jelapang yang merayu untuk bantuan kewangan, rumah usang Chong Soo Ha, seorang warga emas yang tinggal di Kampung Baru Jelapang, telah dibina semula dengan sumbangan ikhlas daripada orang ramai khususnya Puan Ooi dan keluarganya dari Taiping, Perak.

Rumah Chong telah musnah akibat kejadian ribut yang berlaku kira-kira

dua tahun lalu. Walaupun Chong dapat membina sebuah rumah kecil dengan mengutip papan dan kayu daripada rumah yang runtuh dan di kawasan sekelilingnya, tetapi ruang rumah ini tak sampai 10x10 kaki persegi. Keadaan rumah tersebut memang amat teruk. Chong dalam usia tujuh puluhan tiada sebarang pendapatan, cuma dapat bantuan RM 300 setiap bulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Atas dasar keperimanasian, Sarasvathy bersama dengan PSM Cawangan Jelapang telah mengambil usaha untuk merayu pada orang ramai untuk mengutip sumbangan ikhlas bagi membantu Chong membina semula satu tempat tinggal yang sesuai.

PSM berterima kasih kepada semua yang menghulurkan bantuan.

PSM Cameron bantah jalan sehala di Brinchang

Pada 21 Jun lalu, PSM Cameron Highlands telah menyerahkan memorandum berserta tandatangan penduduk tempatan kepada pihak polis, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Daerah Cameron Highlands, bagi menyatakan bantahan terhadap jalan sehala di Brinchang.



Isu jalan sehala di Brinchang yang berlarutan kian lama telah memberikan kesukaran kepada penduduk Cameron Highlands. PSM telah membuat

kajian dan mengutip tandatangan bantahan terhadap jalan sehala di Brinchang.

KUIZ PEKERJA

Jawapan

Mengikut Seksyen 60A(3)(b) Akta Kerja 1955, "kerja lebih masa" ditakrif sebagai jumlah jam berlebihan selepas waktu kerja biasa dalam sehari.

Mengikut Peraturan-peraturan Kerja (Had Kerja Lebih Masa) 1980 (dipinda pada tahun 1991), seseorang pekerja dibenarkan membuat kerja lebih masa sehingga **104 jam** dalam mana-mana **satu bulan**. Ini tidak termasuk kerja lebih masa pada hari rehat atau pada 10 hari cuti umum yang diwartakan.

Skandal 1MDB tak habis-habis

1MDB

1Malaysia Development Berhad

Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat telah mengemukakan satu perkembangan penting pada bulan Jun lalu berikutan tindakan DoJ memfailkan saman sivil untuk merampas aset yang didakwa dibeli menggunakan dana yang disalurkan daripada syarikat 1MDB yang diumumkan pada bulan Julai 2016. Ini membuka satu lembaran baru kepada skandal penyelewengan dana 1MDB yang melibatkan Perdana Menteri Najib Razak.


Dalam saman sivil terbaru yang difailkan oleh DoJ, didakwa bahawa sejumlah USD 4.5 bilion telah diseleweng daripada syarikat 1MDB, satu entiti yang namanya sudahpun lama berkait dengan penyelewengan yang melibatkan Najib Razak, Perdana Menteri negara kita itu sendiri. DoJ dalam saman sivil terbaru ini bercadang untuk merampas aset berjumlah USD 1.7 bilion di AS dan tempat lain yang didakwa diperolehi menerusi dana wang yang diseleweng daripada 1MDB. Antara benda yang mahu dirampas termasuklah kapal layar, barang kemas, lukisan mewah, kondominium dan hak cipta filem Hollywood. Menurut Kenneth Blanco, Pemangku Timbalan Peguam Negara AS, wang yang diseleweng daripada 1MDB telah digunakan untuk "membiayai cara hidup mewah mereka yang terlibat dengan mengorbankan kepentingan rakyat

Malaysia".

Dalam dokumen yang dikemukakan oleh DoJ, juga menyenaraikan barang kemas yang dihadiahkan kepada isteri MO1 (Malaysia Official 1) berjumlah USD 1.3 juta daripada Jho Low, seorang peniaga yang mempunyai hubungan rapat dengan Najib dan isterinya.

Najib dan 1MDB secara konsistennya menafikan sebarang penyelewengan yang melibatkan sayap pelaburan strategik kerajaan itu, ataupun cuba mengelakkan diri daripada menjawab soalan berkenaan dengannya.

Ahli-ahli Parlimen Pembangkang telah menuntut pada Perdana Menteri dan pihak kerajaan supaya bercakap benar dan hadir ke Parlimen untuk menjawab semua dakwaan mengenai isu ini. Ketua Pembangkang Wan Azizah telah menggesa bahawa Najib Razak selaku Perdana Menteri harus memanggil sidang tergempar Dewan Rakyat sesegera yang mungkin. Pihak pembangkang telah mendesak Najib supaya membentangkan sebuah kertas putih mengenai dakwaan skandal penyelewengan dan 1MDB dalam sidang tergempar parlimen, demi menjelaskan fakta-fakta daripada kerajaan. Fakta-fakta ini harus menjawab segala



memulakannya, iaitu Mahathir.

kemusykilan rakyat yang ditimbulkan.

Kerajaan yang dikuasi pemimpin yang menggunakan kuasa mereka untuk menyeleweng kekayaan negara demi mengkayakan diri atau kroni-kroni mereka dengan menggadaikan kepentingan rakyat secara umum, dikenali sebagai kleptokrasi. Kleptokrasi berlaku di negara kita dan pemimpin yang didakwa terlibat dalam skandal pencurian wang negara masih kekal berkuasa dengan jentera yang hampir tidak dapat dicabar, adalah hasil daripada penumpuan kuasa dalam tangan Perdana Menteri, satu peninggalan zaman Mahathir yang bertanggungjawab dalam mewujudkan sistem politik yang memperkukuhkan kuasa diktator yang korup. Amat ironi sekali pada masa kini apabila adanya pemimpin pembangkang yang percaya bahawa dapat menumpaskan kleptokrasi dengan bekerjasama secara rapat dengan pemimpin politik yang

Rakyat perlu bangkit menentang pencurian wang negara dan mengubah sistem politik negara kita yang membiak kleptokrasi. Namun, adalah tidak mencukupi untuk membina kekuatan melawan kleptokrasi dengan hanya mengadakan jelajah ke seluruh negara untuk menerangkan isu ini dan menganjurkan sebuah perhimpunan. Kita perlu menjalankan pendidikan politik yang lebih menyeluruh tentang punca asas permasalahan politik-ekonomi yang kita hadapi hari ini. Jangan pula kita terlalu menaruh harapan kepada golongan elit politik seperti puak Mahathir yang memang mempunyai agenda tersembunyi sendiri untuk menyelamatkan negara kita. Hanya rakyat yang berkesedaran kelas dan berorganisasi dari bawah dapat menyelamatkan diri rakyat daripada kleptokrasi di samping mengubah nasib masyarakat kita. ##

119 orang ditangkap atau disiasat kerana terlibat dalam aktiviti BERSIH 2.0

Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0) telah menyerahkan satu memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 8 Jun lalu, berkenaan dengan gangguan yang berterusan oleh pihak polis terhadap BERSIH 2.0 dan

penyokongnya.

Dari 1 Oktober 2016 hingga 31 Mei tahun ini, polis telah melakukan sebanyak 119 tangkapan atau siasatan berkaitan dengan aktiviti BERSIH. Gangguan yang dihadapi oleh BERSIH 2.0, termasuklah:

- 63 kes tangkapan atau siasatan berkenaan dengan konvoi BERSIH 5, dari 1 Oktober 2016 hingga 18 November 2016.
- 36 kes tangkapan atau siasatan terhadap himpunan BERSIH 5 pada 19 November 2016.
- 14 kes siasatan berkaitan dengan penahanan Maria Chin Abdullah (Pengerusi BERSIH 2.0) di bawah Seksyen 124C Kanun Keseksaan.
- 7 kes siasatan berkenaan dengan himpunan solidariti Bebas Maria.

Akta Perhimpunan Aman telah digunakan secara berulang kali untuk mengongkong hak untuk kebebasan berhimpun. Syarat pemakluman kepada polis 10 hari sebelum perhimpunan jelasnya menjadi penghalang kepada perlindungan hak berhimpun.

Dalam memorandum kepada

SUHAKAM pada 8 Jun, BERSIH 2.0 menyeru pada SUHAKAM untuk mengadakan siasatan terhadap gangguan berterusan oleh pihak berkuasa terhadap aktivis-aktivis hak asasi manusia yang terlibat dalam aktiviti BERSIH 2.0.

BERSIH 2.0 juga menuntut pada SUHAKAM supaya:

- Menyemak semula undang-undang yang telah disalahgunakan untuk menyekat kebebasan bersuara dan berhimpun, termasuk Akta Perhimpunan Aman, Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Seksyen 147, 124C, 504 dan 505 dalam Kanun Keseksaan seta Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (SOSMA).
- Memberi cadangan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk menyemak semula perlindungan-perindungan bagi kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun. ##



Mahathir harapan pembangkang?

Pakatan Harapan (HARAPAN) nampaknya tidak memberi apa-apa harapan yang sebenar kepada rakyat apabila Mahathir Mohamad semakin ditampilkan sebagai pemimpin agung untuk gabungan parti pembangkang aliran utama ini.

Mahathir dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menentang kerajaan Barisan Nasional (BN) sekarang ini, hanya bermatlamat untuk menggantikan Najib Razak yang memegang jawatan Perdana Menteri pada masa kini. Selain itu, puak yang berpecah daripada UMNO ini tiadanya wawasan untuk membawa perubahan yang sebenar kepada sistem politik di negara kita yang penuh dengan kepincangan, rasuah, penyelewengan kuasa, kronisme, nepotisme, rasisme dan ketidakadilan sosial.

HARAPAN yang dibentuk selepas perpecahan Pakatan Rakyat pada tahun 2015, sepatutnya menawarkan dirinya sebagai alternatif politik yang bakal menggantikan BN dengan corak pentadbiran dan dasar-dasar yang berbeza untuk memperjuangkan kesejahteraan rakyat. Namun, ini tidak berlaku, malah HARAPAN menjadi semakin lemah dan gagal memantapkan politik pembangkang dengan halatuju yang jelas. Malah, yang lebih mengecewakan lagi adalah apabila HARAPAN tergopoh-gapah dalam menjalin kerjasama dengan puak Mahathir.

Kerjasama dan penggabungan dengan puak Mahathir, merupakan satu pendekatan yang oportunis, dengan harapan dapat menggantikan kerajaan UMNO-BN yang dipimpin Najib sekarang ini. Oleh sebab penggabungan politik HARAPAN dengan puak Mahathir ini bersifat oportunis, maka ia telah mengetepikan prinsip perjuangan asas untuk melakukan reformasi terhadap sistem politik di negara kita.

Yang tinggal hanyalah “gambaran besar” (tetapi amat sempit) untuk menggantikan PM yang sedia ada, dan retorik kosong tentang reformasi.

Jika sebut tentang oportunis, sebenarnya Mahathir lebih pandai dalam mempermainkan strategi oportunis berbanding HARAPAN, sehinggalah HARAPAN sebagai gabungan parti politik pembangkang aliran utama di negara kita sekarang ini seolah-olah sedang dipimpin oleh Mahathir.

Penggabungan politik secara oportunis, hanyalah percaturan politik elit yang terpisah daripada realiti kehidupan rakyat biasa. Oleh sebab percaturan politik elit yang begitu terpisah daripada rakyat biasa, maka apa-apa perubahan politik yang berlaku kerana percaturan ini tidak akan melibatkan rakyat biasa dan hasilnya juga tidak akan membawa faedah kepada rakyat biasa, malah mungkin mendatangkan akibat yang lebih teruk.

Perlu jelas tentang satu perkara, puak Mahathir menyertai HARAPAN bukannya komited pada agenda Reformasi ataupun apa-apa perubahan politik yang bermakna untuk rakyat marhaen, tetapi sekadar kerana mereka kehilangan kuasa dan tiada lagi jalan lain untuk merampas semula kuasa kecuali bergantung pada kerjasama dengan parti pembangkang aliran utama yang juga semakin lemah akibat masalah dalamannya.

Adalah amat ironi sekali, apabila Mahathir, seorang polikus hebat yang pernah menyandang jawatan PM untuk 22 tahun (yang merosakkan sistem kehakiman, menjadi bapa kepada kronisme, memperkenalkan dasar penswastaan untuk menggadaikan hak rakyat, menindas rakyat dengan akta zalim dan banyak lagi), sedang diangkat sebagai ikon



pembangkang, ikon yang kononnya membawa “harapan baru”, ikon penyelamat Malaysia. Jikalau ini bukannya satu jenaka, maka mestinya satu penghinaan kepada perjuangan rakyat untuk demokrasi dan keadilan sosial.

Mahathir bukannya penyelamat Malaysia, malah juga bukannya penyelamat pembangkang. Mahathir hanya penyelamat kepada legasinya dan puak politiknya yang hilang kuasa dalam UMNO-BN.

Mungkin ada orang ingat boleh mengambil jalan pintas untuk menuju Putrajaya. Namun, sesuatu jalan pintas tidak semestinya akan membawa kita ke destinasi asal tetapi terpesong ke tempat lain pula. Jika hanya fikirkan mengambilalih kuasa sahaja tanpa membawa agenda perubahan sebenar yang memperdalamkan demokrasi, memperkasakan rakyat dan mensejahterakan masyarakat, tidak mungkin adanya apa-apa perubahan yang bermakna untuk rakyat selepas ambilalih kuasa.

Tiada jalan pintas untuk perubahan sosial yang mendatangkan demokrasi sejati dan keadilan sosial. Kita hanya dapat mencapai perubahan sosial dengan membina kuasa rakyat dari bawah. Membina kuasa rakyat dari bawah merangkumi kerja-kerja akar umbi untuk mewujudkan kesedaran rakyat, menyakinkan rakyat marhaen tentang keupayaan mereka untuk mengubah nasib sendiri dan menggerakkan rakyat untuk memperjuangkan sebuah masyarakat yang lebih bebas, demokratik, samarata, adil dan sejahtera.

Dalam politik untuk pembebasan rakyat, tiadanya penyelamat hebat kecuali rakyat sendiri. Harapan untuk perubahan terletak dalam tangan rakyat sendiri.

Kita boleh membina alternatif sebenar melalui organisasi masyarakat yang memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat marhaen. Kita boleh membina kepimpinan rakyat dari bawah melalui gerakan rakyat yang berterusan. ##

Orang Asli tak nak pencerobohan wilayah adat

Pada 16 Jun lalu, Jawatankuasa Bertindak Pos Lanai bersama dengan penduduk Pos Kuala Koyan, Pahang, telah membuat aduan polis terhadap 2 buah syarikat, Esteem Edge Sdn Bhd dan Lipis Agro Sdn Bhd, yang telah menceroboh wilayah adat masyarakat Orang Asli (OA) di situ.

Syarikat Esteem Edge Sdn Bhd tersebut telah memulakan kerja-kerja merintis jalan balak di wilayah adat OA Pos Lanai sejak bulan April lalu, dan kerja-kerja telah berjalan selama sebulan. Masyarakat OA di Pos Lanai telah berjumpa dengan seorang lelaki yang bernama Lam Seng dan mengaku dirinya sebagai tuan punya syarikat. Dalam perbincangan tersebut, Lam Seng telah mengatakan bahawa dia sudah mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa untuk membuat kerja tersebut.

Lam Seng juga telah berkeras bahawa tidak mahu memberhentikan kerja-kerja merintis walaupun wakil OA mengatakan bahawa Jawatankuasa Bertindak tidak bersetuju. Perkara ini juga telah

diulangi oleh Lam Seng ketika Suresh Kumar (aktivis PSM Cameron Highlands) menghubunginya melalui telefon. Lam Seng berkata pada Suresh bahawa dia berpejabat di Kuala Lipis, dia mempunyai gelaran Tan Sri, dan harus dipanggil dengan gelarannya. Namun, masyarakat OA tidak takut pada pembalak walaupun kononnya bergelaran Tan Sri.

Kehidupan OA sangat berkait rapat dengan hutan. Jika pembalak Lam Seng dan pihak-pihak berkuasa tidak sedar akan hal ini, maka mereka harus lebih mendampingi masyarakat Orang Asli supaya tahu perasaan dan kehendak OA, bukannya meluluskan lesen pembalakan sesuka hati mereka.

Jawatankuasa Bertindak Pos Lanai telah menegaskan bahawa mereka akan menghalang Lam Seng dan kuncu-kuncunya yang memasuki wilayah adat mereka. Tuntutan Jawatankuasa Bertindak Pos Lanai kepada pihak polis adalah: - Pihak polis Sg Koyan dan Kuala Lipis dapat mengambil satu posisi

yang neutral dan tidak berpihak mana-mana pihak. - Menjamin keselamatan masyarakat OA dengan memastikan tiada unsur-unsur jenayah digunakan oleh pembalak Lam Seng dan kuncu-kuncunya. - Menasihatkan Lam Seng supaya tidak mengacau wilayah adat OA dan hutan secara amnya. Hutan diperlukan untuk menjaga kesinambungan bumi dan bukannya semata-mata mengaut keuntungan wang dengan pembalakan.

Jawatankuasa Bertindak Wilayah Adat OA Kampung Kuala Koyan pula mengadu tentang Syarikat Lipis Agro Sdn Bhd yang menceroboh wilayah adat mereka.

Syarikat tersebut telah menebang hutan di wilayah adat OA Kampung Kuala Koyan seluas 20 hektar untuk membuat pertanian pisang dan lain-lain.

Penebangan hutan ini telah dibuat sejak beberapa tahun lepas. Walaupun masyarakat tidak puas hati pada masa itu, tetapi mereka tidak

tahu tempat mengadu.

Baru-baru ini, masyarakat OA Kampung Kuala Koyan telah menjemput Jawatankuasa Bertindak Wilayah Adat OA Pos Lanai dan PSM Cameron Highlands untuk membincangkan masalah ini. Hasil dari perbincangan tersebut, masyarakat OA di situ telah bersetuju untuk membuat laporan polis terhadap syarikat Lipis Agro.

Kawasan hutan yang dibuka oleh Lipis Agro merupakan kawasan perkuburan keramat OA Kampung Kuala Koyan. Lipis Agro dan Pejabat Tanah Kuala Lipis langsung tidak menghormati wilayah adat OA. Masyarakat OA tidak pernah dibawa berunding sebelum kawasan ini ditebang.

Masyarakat OA Kampung Kuala Koyan menuntut supaya Lipis Agro menghentikan aktiviti-aktiviti pertaniannya dan mula berbincang dengan mereka berkenaan pencerobohan wilayah adat OA. ##

Ucapan Dasar Pengerusi PSM sempena Kongres PSM ke-19

oleh Dr. Nasir Nashim

Saya bagi pihak Parti Sosialis Malaysia mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran Komrad-komrad dan para jemputan ke Kongres PSM. Bantuan, kerjasama dan setia kawan yang berterusan ini amat kami hargai. Kita merupakan keluarga yang besar.

Negara kian terbenam dalam arus kehancuran

Negara kita mengalami krisis demi krisis, melibatkan pihak swasta dan pelbagai agensi kerajaan seperti, kehakiman, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), keselamatan, badan keagamaan, dengan isu-isu seperti ugutan dan ancaman, penahanan yang tidak munasabah, keganasan yang memangsakan pihak pembangkang, penculikan, kematian dalam tahanan, RUU 355, dan sebagainya. Krisis ini membenamkan rakyat biasa.

Masalah 1MDB terus menular seperti penyakit barah yang memakan diri sendiri; amalan kleptokrasi yang mencuri kekayaan negara sudah membusukkan nama Malaysia seantero dunia; rasuah bermaharajalela tanpa kesudahan; GST mencengkam dan memiskinkan lagi rakyat miskin; negara China bakal menjadi penjajah ala moden yang melapah dan merampas kekayaan negara kita; harga barangan menjulang ke langit tinggi; nilai mata wang menjunam dan wang kita tidak boleh ditransaksi dalam negara-negara jiran; ekonomi merosot dan menambahkan kadar pengangguran, kesengsaraan dan krisis ekonomi; dana negara merosot akibat kebergantungan kepada minyak petroleum dan harga minyak petroleum pula semakin menurun; wang simpanan tidak dapat lagi menampung masa depan sekeluarga. Lantas negara menjurus ke kancah kehancuran dan penghinaan.

Kesinambungan penindasan dalam negara sendiri

Dasar pembangunan negara berpaksikan pada kapitalisme dan imperialisme (penjajahan tanpa sempadan). Makin terperangkap dalam jaringan perdagangan antarabangsa yang membelai, mengongkong dan mengekalkan budaya kebergantungan. Selagi pengeluaran negara bertumpu pada eksport ke luar negara, selagi itulah negara terus melutut, mengikuti rentak dan selera negara-negara kapitalis/ imperialis besar. Penindasan dihalalkan apabila puak kapitalis dan pemimpin tempatan bersekongkol memaksimumkan keuntungan; merobatkan rakyat; menghancurkan alam sekitar; mengukuhkan monopoli dan spekulasi wang, komoditi, tanah,



rumah dan skim cepat kaya. Justeru itu, sekiranya negara-negara besar ini bersin, kita pula mendapat demam dan selesema.

Kerajaan telah mengabaikan tanggungjawabnya apabila mengisytiharkan dasar neo-liberal dan penswastaan yang menguntungkan pihak kapitalis dan konco-konco mereka; membebaskan lagi rakyat yang miskin; mengizinkan pihak kapitalis dan kroni-kroni mereka melibatkan diri dalam penswastaan pendidikan, kesihatan, pengangkutan, kemudahan asas dan perkhidmatan awam. Pendek kata, kerajaan dan kabinetnya sudah lama menswastakan dirinya hinggakan kekayaan negara dibolot oleh jaringan golongan kapitalis dalaman dan antarabangsa bersama konco-konco mereka.

Pilihan raya umum

Diramalkan bahawa pilihan raya akan diumumkan pada penghujung tahun ini. Dipercayai juga, pilihan raya pada kali ini lebih ganas; fitnah-memfitnah; melaga-lagakan dan melelong kaum dan agama; semarakkan politik wang; sabotaj; mengganas melalui pihak ketiga dan amalan rasuah yang berleluasa. Agensi-agensi kerajaan dikerahkan bagi menghalalkan tindakan kotor yang amat memalukan.

Pada kaca mata dunia, Malaysia di bawah pentadbiran Perdana Menteri Najib Razak, sedang dikutuk dan dicemuh sebagai negara yang menghalalkan kleptokrasi; mengekalkan budaya kebergantungan melalui ugutan (tahanan/ kecederaan) dan di samping itu mengumpukan serta membeli kesetiaan (wang sogokan/ 'dedak'). Tindakan ini mewujudkan ketakutan rakyat dan sengaja meramalkan kehancuran dan huru-hara yang amat dahsyat sekiranya pihak pembangkang memenangi pilihan

raya umum yang akan datang.

Sesungguhnya, ketegangan dan bebanan yang melanda pihak kerajaan ini menguntungkan pihak pembangkang. Namun begitu, pihak pembangkang berbalah sesama sendiri kerana ingin mempertahankan kepentingan politik masing-masing. Kekangan berterusan apabila Parti PAS secara rasminya berpisah dengan Parti PKR dan di sebaliknya pula Parti PKR membenarkan ahli-ahli Pas terus memegang jawatan Exco Negeri Selangor. Alasan yang diberi adalah kerana ingin mematuhi titah DYMM Sultan Selangor.

Penyertaan Parti Bersatu (di bawah pimpinan mantan PM Mahathir) dalam Pakatan Harapan (PH) juga menimbulkan ketegangan, kekeliruan dan kewaspadaan bukan saja antara parti-parti sekutu tetapi juga dalam parti politik masing-masing. Kelewatan mencalonkan nama-nama yang bakal menjadi Perdana Menteri juga mengeruhkan lagi keadaan ini. Maka harapan untuk bertanding satu-lawan-satu dalam pilihan raya semakin tipis dan pudar kecuali timbulnya perkara luar biasa yang dapat menyatukan semua.

Pengalaman beberapa pilihan raya yang lalu

PSM mengalami pahit getir pada setiap pilihan raya umum. Bukan kerana tindakan Barisan Nasional (BN) tetapi akibat kecurangan parti-parti politik pembangkang terhadap PSM dalam beberapa pilihan raya umum yang lalu.

Sebelum pilihan raya, mereka menjadi kawan karib, bersama mempertahankan hak rakyat. Namun, apabila pilihan raya diisytiharkan, maka sikap mereka terus berubah di mana kawan menjadi musuh dan dikorbankan dengan begitu mudah sekali. Ini kerana, gara-gara saingan hebat antara sekutu merebut sebahagian besar kerusi pilihan raya yang bakal menjamin jawatan-jawatan tertinggi dalam pentadbiran negeri dan negara. Demi merebut undi, pucuk pimpinan politik sanggup berjinak-jinak atau bersekongkol dengan sesiapa saja dan rela menjual agama, kaum dan harga diri.

Sering kali, pilihan raya berpaksikan pada persepsi yang ditanamkan dalam minda rakyat. Pemimpin-pemimpin politik pemerintah dan pembangkang meracuni minda rakyat dengan sogokan, pelbagai fitnah dan putar-belit isu-isu kaum dan agama. Mereka menggembel media massa untuk melakukan perbuatan yang keji ini hinggakan rakyat membenci pihak pembangkang dan percaya bahawa perubahan dapat dilaksanakan sekiranya BN/UMNO kekal memerintah negara. Rakyat pula sudah terperangkap dalam kancah budaya kebergantungan dan pucuk pimpinan lebih selesa dengan keadaan begini.

PSM tetap dengan prinsipnya dan tidak mahu menggunakan taktik kotor, memfitnah dan menganiayai sesiapa jua. Bagi menangkis perbuatan keji yang mencengkam rakyat, PSM haruslah mewujudkan suatu keadaan yang mendedahkan dan melumpuhkan taktik-taktik kotor musuh sebelum mereka dapat menggunakannya. Ucapan Dasar PSM pernah menyebut tentang taktik dan strategi dalam buku Sun Tzu *"The Art of War"* (seni peperangan). Namun, tidak ramai ahli PSM mendalaminya atau sudah pun berpuas hati dengan apa yang dilakukan mereka sekarang.

PSM sering ketandusan pembantu-pembantu bagi menyelenggarakan logistik tenaga, khususnya sebelum dan semasa pilihan raya. Kita kehilangan undi kerana tidak dapat menangkis fitnah-fitnah dan menggembel tenaga sepenuhnya pada hari mengundi. Perjuangan ini memerlukan kekuatan, pendekatan dan sokongan daripada kawan-kawan lain seperti badan-badan NGO, kaum pekerja dan kesatuan, serta golongan muda. Hubungan menjadi erat dan mantap apabila kita menumpukan kepada titik pertemuan daripada menobatkan titik perbezaan. Memandang ramai aktivis NGO yang berkaliber menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat, maka PSM membuka pintunya (tertakluk pada syarat tertentu) kepada mereka dan juga pemimpin masyarakat tempatan, menggunakan logo PSM ketika bertanding dalam pilihan raya umum nanti.

Kesinambungan dalam kepimpinan dan perjuangan

Seperti komrad sedia maklum, penggal akan datang ini merupakan penggal terakhir bagi saya menyandang jawatan Pengerusi PSM dan kita secara teratur, sudah pun memulakan peralihan jawatan pucuk pimpinan dengan semangat kesinambungan dalam kepimpinan dan perjuangan.

Bersama kepimpinan baru, kita berpeluang mengkaji semula hala tuju perjuangan PSM dengan semangat baharu, keazaman baharu dan idea-idea terbaharu. Kita kibarkan bendera Sosialisme dan PSM serta mendampingi rakyat jelata dalam perjuangan menegakkan hak dan keadilan. Kita mengimbangkan lagi aktivisme sosial dengan aktivisme ideologi supaya dunia Sosialisme menjadi realiti di bumi bertuah ini. Komrad veteran sentiasa bersama dalam perjuangan Sosialis ini dan menyesuaikan diri sejajar dengan kemampuan dan kudrat masing-masing.

(sambung di m/s 7)

(sambung dari m/s 6)

Rumusan terhadap perjuangan PSM

Saya berpeluang merujuk Ucapan-ucapan Dasar PSM pada tahun-tahun yang lalu dan ingin menghuraikan pandangan dan teguran saya. Saya berpendapat bahawa ahli-ahli PSM tidak menganalisis secara kritikal terhadap Ucapan-ucapan Dasar PSM yang lalu. Sekadar memaksakan diri atau disuruh untuk membuat komen-komen tertentu. Ahli-ahli mengulangi (seperti burung kakak tua) apa yang tertulis, sekadar merujuk petikan Ucapan Dasar tertentu dan memujinya tanpa menjelaskan komen-komen mereka itu.

Sebenarnya, keadaan ini membayangkan kelemahan pemimpin-pemimpin di peringkat cawangan kerana tidak pandang serius terhadap isi kandungan Ucapan Dasar tersebut. Tidak bincang sepenuhnya atau tidak menjelaskan kepada ahli-ahli tentang perkara-perkara dalam Ucapan-ucapan Dasar tersebut. Sekira sukar memahaminya, maka pemimpin-pemimpin ini harus menjelaskannya ataupun menghubungi penulis sendiri. Keadaan mendapatkan penjelasan penulis tidak pernah berlaku.

Kalau ada yang menghuraikan komen-komen tertentu, mereka pula tidak mencadangkan dan mengembangkan alternatif tertentu yang dapat mengatasi masalah. Ataupun mencadangkan sesuatu yang dapat dibahasakan bersama. Soalnya sekarang, kalaulah Ucapan Dasar menyebut tentang perjuangan rakyat, dapatkah komrad PSM kaitkannya dengan perjuangan dalam kawasan sendiri ataupun kawasan-kawasan lain? Apakah implikasi Ucapan Dasar pada kawasan setempat, negeri dan negara?

Dengan pengalaman yang ada, perlukah kita membentuk masyarakat sosialis di kawasan-kawasan yang pernah kita juang bersama? Atau cuba mendapatkan atau menyewa kawasan tanah dijadikan kawasan latihan PSM untuk kita berbicara tentang ideologi, melatih berkebun, berternak haiwan dan ikan agar dapat tingkatkan dana parti. Semoga kita membincangkan isu-isu semasa dan menyelesaikannya dari sudut pendekatan ideologi Sosialis.

Kita perlu tingkatkan ilmu kerana keadaan sentiasa dinamik dan berubah-ubah

Ilmu berkaitan rapat dengan usaha membaca, membincang, menulis dan melibatkan diri dalam kegiatan tertentu. Selagi kita tidak melakukannya selagi itulah pemikiran kita terus mundur, masih menggunakan pengalaman yang makin ketinggalan zaman. Akhirnya

kita korbankan kesegaran dan dinamisme perjuangan Sosialisme.

Ada antara komrad-komrad kita sudah menerbitkan buku-buku. Soalnya, pernahkah kita meluangkan masa untuk membaca, mengupas bersama dan mengkritik penulisan ini demi memanfaatkan semua? Saya percaya segala penulisan komrad-komrad bertujuan membentangkan sesuatu pandangan dan pengajaran yang berdasarkan pada maklumat, ilmu dan pengalaman masing-masing. Pada ingatan saya, tidak ada komrad yang duduk bersama saya membincang atau mempertikaikan penulisan saya. Mustahil seorang manusia itu cukup sempurna. Mungkin juga keadaan ini menggambarkan ramai malas membaca, terlalu sibuk, ataupun sudah tahu semua. Mungkin juga penulisan-penulisan ini terlalu kompleks, bahasanya susah difahami atau apa jua alasan. Mereka boleh duduk bersama di kawasan masing-masing, sediakan kamus, saling membantu, mengupas buku-buku tersebut. Aktivis yang berkaliber bersedia mengkaji dan menerima ilmu terbaharu dan tidak pula berbangga dengan pengalaman masing-masing. Seperti mana disebut oleh Ralph Nader, pejuang gerakan pengguna di Amerika Syarikat, bahawa ada antara aktivis dan birokrat, megah dengan pengalamannya yang menjangkau 20 tahun itu, walhal dia memiliki 1 tahun pengalaman yang diulangi 20 kali. Dalam bahasa utara 'pi mai... pi mai... tang tu jugak' .

Kalau itu saja kita lakukan, maka lambat laun, kegiatan kita menjadi kaku, sumbang, rutin dan diulang-ulang tayang hingga membuat jangkaan dan ramalan rambang yang tidak tepat. Kita bertemu penduduk-penduduk, berbincang tentang masalah mereka, membuat aduan polis, menghantar memorandum, berdemonstrasi, ditahan dan dibicarakan. Ada kala kita berjaya dan ada kalanya tidak berjaya dalam tuntutan mereka. Sebenarnya kerja-kerja seperti ini sering dilakukan oleh badan-badan NGO. Yang membezakan kita dengan aktivis sosial ini adalah, kita memiliki ideologi dan membawa tahap perjuangan bukan daripada **REFORMASI KE REFORMASI** tetapi **DARI REFORMASI KE REVOLUSI**. Soalnya, adakah cara lain yang perlu kita lakukan supaya memantapkan lagi perjuangan ini? Dapatkah ideologi Sosialisme mengilhamkan pendekatan terbaharu atau paradigma baharu hingga membolehkan kita maju memperkasakan lagi dunia Sosialisme?

Ada antara komrad kita yang berpengalaman, enggan menulis kerana terlalu sibuk, malas atau entah apa alasan lagi. Maka hilanglah ilmu, pengalaman dan sudut pandangannya yang unik dan amat berguna pada generasi-generasi seterusnya. Itulah wasiat kita kepada pejuang-pejuang muda. Golongan



muda boleh membaca, mengupas, menerima, mengubahsuaikan, menolak atau mencadangkan alternatif serta pendekatan yang realistik dan bersifat revolusioner. Mereka tidak perlu mencipta lagi sepasang roda kerana orang lain sudah pun menciptakannya. Kita menerima teladan yang baik daripada sejarah dan menjadikannya senjata untuk terus maju ke hadapan.

Namun, secara sedar dan tidak sedar, kita makin terperangkap dalam minda berorientasikan krisis atau pendekatan bomba, iaitu kita hanya bertindak sesudah berlakunya sesuatu ancaman atau peristiwa. Pada hakikatnya, tindakan ini tidak salah sekiranya ia menjadi punca untuk kita mencelah dan menggembelng tenaga rakyat berasaskan prinsip dan disiplin sosialis. Pengalaman menajamkan lagi mutu perjuangan dan menganalisis keadaan dapat membongkar akar umbi sistem kapitalisme yang merobatkan manusia, menghancurkan kemanusiaan dan memusnahkan alam sekitar. Kita mencari pendekatan baru atau mengubahsuaikan pendekatan yang lama bagi menangkis dan menunduk sistem kapitalis yang kejam ini.

Dengan ketegasan ini, kita sentiasa mencabar diri sendiri supaya melakukan yang terbaik dan sentiasa berwaspada supaya musuh tidak mudah membatalkan atau merosakkan rancangan kita seperti mana disebut dalam buku **Sun Tzu** yang bertajuk “*The Art of War*” (Seni Peperangan). Buku ini meneropong kekuatan dan kelemahan kita dan juga pada pihak musuh. Dengan mengetahui kekuatan dan kelemahan kita, maka kita mengatur langkah menetapkan masa dan tempat sekira ingin bertempur atau bertarung dan tidak mudah terperangkap dengan provokasi musuh yang mengejek, mencabar, mencemuh, menjolok atau melontar tohmahan.

Dalam kesibukan menyelesaikan masalah, kita tidak berpeluang mengekalkan hubungan lanjut bagi menggerakkan program Sosialis di tempat-tempat yang sudah berjaya. Kita berkeberatan mencuba atau eksperimen dengan idea-idea terbaharu, pendekatan terbaharu, strategi terbaharu, memikir di luar kotak sejajar dengan perubahan masa. Namun begitu, kita sudah pun memulakan penyelidikan, pemantauan dan menghimpun maklumat yang terkini. Usaha ini amat digalakkan. Secara begini, dapatlah kita memahami dan menghayati rentak atau nadi negara supaya lebih yakin mengatur pendekatan yang mengambil kira hubungan yang dinamik antara kelas, sosial, politik dan aspirasi rakyat.

Walaupun kita pernah mendengar teguran supaya bersikap realistik. Bersikap realistik mengundang dua jalur pemikiran iaitu **Kematangan** (mereka yang berprinsip yang mengimbangkan jangka pendek dan jangka panjang) ataupun **Oportunisme** (mereka yang mempunyai agenda jangka pendek untuk membolot harta, kuasa dan kedudukan). Biarlah pilihan kita itu memihak kepada mereka yang terpinggir dan ditindas. Kita juga bersedia membezakan antara dimensi **Spiritual** (bersifat gerak hati nurani yang terbuka dan universal) dengan **Keagamaan** (yang tertakluk kepada kitab atau buku agama tertentu). Walaupun begitu kedua-duanya menjurus kepada kasih sayang dan harmoni.

Justeru, dalam perjalanan menuju Sosialisme, kita perlu berwaspada supaya tidak gelojoh dan tidak mewujudkan budaya kebergantungan dan serba tahu atau elitisme. Maka kita mengamalkan kesinambungan dalam kepimpinan dan perjuangan, di mana ahli-ahli berpeluang memimpin, menegur dan meluahkan pandangan. ##



“Apakah implikasinya idea-idea PSM terhadap perjuangan memperkasakan rakyat dan juga memperkayakan lagi ideologi Sosialisme? Bagaimanakah kita mengimbangkan antara taktik dengan strategi dan teori dengan praktis supaya menjadi intelektual organik yang dipelopori oleh **Antonio Gramsci**?”



Cabaran untuk pekerja Malaysia

Pada takat ini, negara kita mempunyai tenaga kerja seramai 14.4 juta orang, dengan kadar pengangguran lebih kurang 3.5%. Di samping itu, adanya jutaan pekerja migran yang datang dari negara-negara Asia Selatan dan Asia Tenggara yang lain, yang diupah untuk bekerja dalam sektor-sektor seperti pembuatan, perladangan, pembinaan, pertanian, perkhidmatan dan kerja-kerja domestik.

Golongan pekerja, iaitu mereka yang menaburkan titisan peluh dan kreativiti

minda mereka untuk mendapatkan upah kerja, selama ini merupakan tunjang utama kepada pembangunan ekonomi negara kita. Namun, oleh sebab dasar-dasar pro-kapitalis yang sentiasa diamalkan oleh kerajaan negara kita, hak-hak asasi pekerja sentiasa diancam dan dihakis. Kerja yang tidak terjamin, masa kerja yang terlalu panjang, gaji yang terlalu rendah, dan kesatuan sekerja yang disekat, adalah 4 masalah utama yang dihadapi pekerja Malaysia pada hari ini. 4 masalah ini saling berkait, dan perlu ditangani secara bersama.

Kerja semakin tidak terjamin

Sejak tahun 1990-an, kadar pengangguran di negara kita berada pada paras yang agak rendah, di samping membawa masuk semakin ramai pekerja migran dari luar negara. Ini mencerminkan bahawa masyarakat Malaysia sebenarnya berada dalam keadaan yang hampir-hampir mencapai pekerjaan penuh. Namun, ini tidak bermakna pekerja-pekerja kita, sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja migran, berada dalam keadaan pekerjaan yang memuaskan.



Walaupun pada luarannya negara kita menghampiri pekerjaan penuh untuk 2 dekad kebelakangan ini, tetapi pekerjaan yang dipegang oleh pekerja semakin tidak terjamin. Sekiranya kita mengambil kira hanya anak muda, kadar pengangguran sebenarnya lebih tinggi.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, fenomena penyumberluaran (*outsourcing*) tenaga kerja semakin berleluasa di negara kita. Penyumberluaran menyebabkan pekerja yang diupah semakin kehilangan jaminan pekerjaan mereka.

Kerajaan Malaysia meminda Akta Kerja 1955 pada tahun 2011, menambahkan peruntukan yang mengiktiraf "kontraktor buruh" (iaitu syarikat kontraktor yang hanya membekalkan tenaga kerja) sebagai majikan utama yang sah. Ini telah memutuskan hubungan pekerja kontrak (iaitu pekerja yang diupah melalui kontraktor buruh) dengan majikan sebenar mereka (iaitu kilang atau syarikat yang memerlukan perkhidmatan tenaga kerja itu). Sistem kontrak atau penyumberluaran

tengaga kerja, sebenarnya menjadikan kerja itu semakin tidak terjamin bagi pekerja. Kontraktor buruh boleh mengisytiharkan muflis bila-bila masa untuk melepaskan tanggungjawabnya dalam menjamin kebajikan pekerja, sementara pekerja tidak dapat menuntut hak dan kebajikannya daripada majikan yang sebenar (iaitu pemilik tempat kerja).

Penyumberluaran tenaga kerja bukan sahaja sesuatu yang sudah biasa dalam sektor swasta, tetapi sektor awam di bawah bidang kuasa kerajaan juga menggunapakai kaedah ini. Sejak tahun 1990-an, kerajaan BN pimpinan Mahathir Mohamad pada masa itu amat ghairah dalam melaksanakan dasar penswastaan. Banyak perkhidmatan di sektor awam telah diwastakan ataupun disumberluarkan kepada syarikat kontraktor swasta. Pekerja yang diupah sebagai pekerja tetap di bawah agensi kerajaan telah bertukar menjadi pekerja kontrak yang diupah kontraktor swasta. Barangkali langkah menyumberluarkan sebahagian perkhidmatan dalam sektor awam kepada kontraktor swasta ini bertujuan untuk mengurangkan kos kononnya, di

samping mendorong pertumbuhan usahawan kontraktor tempatan, tetapi hakikatnya ini telah dijadikan cara untuk kerajaan melepaskan tanggungjawabnya dalam menjaga kebajikan pekerja-pekerja yang bekerja di premis kerajaan. Memang sebahagian usahawan bumiputra mendapat faedah daripada sistem penyumberluaran ini, tetapi pekerja-pekerja yang majoritinya juga bumiputra menjadi semakin miskin di bawah sistem kontrak penyumberluaran sebegini.

Di sekolah dan hospital, kerja-kerja seperti kawalan keselamatan, pembersihan dan sebagainya telah disumberluarkan kepada kontraktor swasta. Kontraktor swasta mengupah pekerja dengan gaji yang rendah. Pekerja-pekerja yang diupah di bawah sistem kontrak ini, tiadanya jaminan pekerjaan. Ini disebabkan kontrak mereka hanya untuk 2 atau 3 tahun, dan tiada jaminan bahawa mereka akan diupah semula selepas kontrak tamat. Pekerja-pekerja kontrak ini juga tidak dapat kenaikan gaji tahunan, elaun kesihatan, pencen dan sebagainya. Jika seseorang pekerja itu diupah oleh kontraktor yang tidak berhati perut,

nasibnya akan lebih teruk lagi dengan menghadapi masalah seperti gaji tertunggak, majikan potong gaji untuk KWSP tetapi tidak mencarumkan wang itu, dan macam-macam lagi.

Sistem kontrak hanya sesuai untuk kerja-kerja sementara ataupun kerja bermusim. Namun, kerja kawalan keselamatan, pembersihan, penjagaan kebun, dobi dan sebagainya, adalah kerja tetap untuk memastikan sekolah dan hospital

awam kita sentiasa berfungsi secara normal. Kerajaan tidak patut menggunakan sistem kontrak (yang hanya sesuai untuk kerja sementara) untuk mengupah pekerja yang membuat kerja-kerja tetap. Sistem kontrak adalah salah satu sebab pekerja-pekerja bergaji rendah masih terperangkap dalam masalah kemiskinan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, wujudnya satu trend baru dengan perkembangan perkhidmatan *ride-sharing* seperti Uber dan Grabcar. Kerajaan kita sendiri juga menggalakkan penyertaan rakyat sebagai pemandu *ride-sharing* seperti pemandu Uber. Corak pekerjaan baru sebegini dikenali sebagai "ekonomi perkongsian" (*sharing economy*), namanya memang sedap didengar, tetapi sebenarnya hanyalah sejenis sistem kerja kontrak atau penyumberluaran tenaga kerja yang dilapik dengan wajah teknologi baru. Syarikat yang meneroka *app* baru ini mendapat keuntungan yang sangat lumayan, tetapi pembekal perkhidmatan yang bekerja di bawahnya hanya dapat berkongsi ketidajaminan kerja.

Mungkin seorang pemandu Uber ingat dirinya rakan kongsi kepada pemilik syarikat, tetapi tanpa disedari sebenarnya dia hanyalah seorang pekerja yang langsung tiada perlindungan dan jaminan kerja.

Tambahan pula dengan ekonomi dunia yang tidak stabil, di mana akan berlakunya kegawatan ekonomi selang beberapa tahun, pekerja-pekerja yang diupah dalam perusahaan berkaitan dengan ekonomi berorientasikan eksport sentiasa terdedah kepada risiko kehilangan kerja.

(sambung di m/s 9)



(sambung dari m/8)

Masa kerja panjang

Kerja 8 jam sehari, ataupun kerja 40 jam seminggu, adalah tuntutan utama golongan pekerja semasa zaman Revolusi Industri di Eropah pada abad ke-19. Robert Owen, seorang sosialis utopia di Britain, telah mengemukakan idea mengurangkan masa kerja seawal tahun 1810, dan beliau melaksanakan sistem pengurangan masa kerja di kilangnya di New Lanark, Scotland. Owen kemudiannya mengemukakan idea “8 jam kerja, 8 jam rekreasi, 8 jam rehat”, yang selepas itu menjadi slogan kepada gerakan pekerja menuntut sistem kerja 8 jam sehari.

Pada 1 Mei 1886, pekerja-pekerja di Chicago, Amerika Syarikat, telah mengadakan mogok besar-besaran untuk menuntut kerja 8 jam sehari, tetapi ditindas secara kejamnya oleh kapitalis dan pemerintah. 1 Mei kemudiannya menjadi tarikh keramat bagi gerakan pekerja seluruh dunia.

Tempat yang paling awal melaksanakan kerja 8 jam sehari ialah Melbourne, Australia. Pada 21 April 1856, tukang batu dan pekerja pembinaan di Melbourne mengadakan mogok dan aksi perhimpunan, akhirnya berjaya ditunaikan tuntutan mereka untuk kerja 8 jam sehari. Negara yang pertama sekali melaksanakan kerja 8 jam sehari ialah Rusia selepas Revolusi Oktober pada seratus tahun dahulu. 4 hari selepas Revolusi Oktober pada tahun 1917, kerajaan soviet (iaitu majlis pekerja) Rusia yang revolusioner telah mengumumkan pelaksanaan kerja 8 jam sehari.

Konvensyen pertama yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) selepas penubuhannya pada tahun 1919, ialah Konvensyen Jam Kerja (Industri) 1919, yang menghadkan masa kerja kepada 8 jam sehari dan 48 jam seminggu. Konvensyen tersebut mula berkuatkuasa pada tahun 1921. Malangnya sekali, walaupun Konvensyen Jam Kerja (Industri) 1919 telah wujud hampir 100 tahun dan negara kita pun merdeka untuk 60 tahun, Malaysia masih belum lagi menandatangani Konvensyen ini. Pelik tapi benar.

Walaupun gerakan pekerja telah berjaya memperjuangkan kerja 8 jam sehari sejak 100 tahun dahulu, tetapi pencapaian hasil perjuangan pekerja ini masih sentiasa dihakis oleh sistem ekonomi kapitalis yang mengejar pemaksimuman keuntungan.

Dengan perkembangan teknologi moden, pengeluaran perindustrian semakin menuju ke arah automasi, iaitu mesin semakin menggantikan tenaga kerja manusia dalam melakukan kerja-kerja pengeluaran barangan. Perkembangan automasi bermakna kuasa pengeluaran masyarakat kita semakin meningkat, dan sepatutnya sesuatu yang amat



Lukisan mengenai Peristiwa Haymarket pada 4 Mei 1886, di mana demonstrasi pekerja menuntut kerja 8 jam sehari ditindas oleh polis. Kerja 8 jam sehari merupakan hasil pengorbanan perjuangan pekerja yang berlarutan.

baik untuk seluruh umat manusia. Namun, di bawah sistem kapitalis, ini adalah berita buruk untuk pekerja. Apabila robot semakin menggantikan tenaga manusia pekerja, keadaan kerja untuk pekerja bukan sahaja tidak diperbaiki, sebaliknya menyebabkan pekerja kehilangan kerja. Pekerja yang hilang kerja akan melalui keadaan kehidupan yang semakin teruk.

Sesuatu yang amat tidak masuk akal tetapi wujud secara nyata di bawah sistem ekonomi kapitalis adalah, apabila semakin ramai pekerja menganggur dalam masyarakat, adanya ramai lagi pekerja yang terpaksa bekerja untuk jangkamasa yang sangat panjang. Ini adalah manifestasi percanggahan asas dalam sistem kapitalis.

Ramai pekerja membuat kerja lebih masa (OT) selepas kerja 8 jam sehari. Pekerja buat OT bukan sebab mereka sukakan OT, tetapi oleh kerana gaji mereka yang rendah. Gaji rendah memaksa pekerja melakukan kerja OT. Namun, apabila semakin ramai pekerja melakukan OT, iaitu bekerja dengan masa yang lebih panjang, semakin ramai juga pekerja akan hilang kerja atau susah mencari kerja.

Memandangkan teknologi canggih sudah dapat menggantikan tenaga manusia untuk menjalankan pengeluaran, bermakna kadar pengeluaran pekerja secara puratanya sudah pun meningkat. Oleh itu, masa kerja yang diperlukan oleh seseorang pekerja untuk melakukan sesuatu kerja yang sama sepatutnya menjadi lebih pendek. Ini membolehkan seseorang pekerja dapat bekerja kurang daripada 8 jam sehari tanpa perlu kurangkan gajinya. Apabila masa kerja seorang pekerja dikurangkan, maknanya adalah peluang pekerjaan akan bertambah untuk pekerja lain.

Apabila masa kerja dikurangkan tanpa mengurangkan gaji yang diterima, pekerja dapat

menikmati lebih banyak masa lapang untuk melakukan perkara kegemarannya, menjalankan aktiviti peningkatan diri dan memperbaiki kualiti hidupnya.

Lagi pun, masa kerja yang panjang tidak bersamaan dengan kecekapan dan keberkesanan kerja. Sebaliknya, semakin panjang masa kerja, semakin banyak tenaga fizikal dan mental akan dibazirkan, tambahan pula dengan tidak dapat pulih dalam masa rehat yang pendek, maka kecekapan kerja akan merosot.

Negara Sweden telah menjalankan eksperimen kerja 6 jam sehari sejak beberapa tahun kebelakangan ini, hasilnya adalah kecekapan kerja untuk pekerja telah bertambah, dan pekerja yang tinggalkan kerja pun menjadi kurang. Pusat kereta Toyota di Gothenburg mula melaksanakan sistem kerja 6 jam sehari sejak tahun 2003, di mana langkah ini mendatangkan kepuasan pekerja terhadap kerja mereka, pekerja yang letak jawatan berkurangan dengan hebatnya, dan keuntungan syarikat juga bertambah.

Namun, di bawaha hukum ekonomi kapitalis yang sentiasa mahu memaksimumkan keuntungan, pengurangan masa kerja tidak mendatangkan kesan serta-merta untuk pengumpulan modal. Untuk

kapitalis yang mengejar pengumpulan modal secara hebat, membenarkan masa kerja yang panjang, akan mewujudkan peluang pekerjaan yang tidak mencukupi, maka semakin ramai pekerja yang menganggur akan menjadi “tentera simpanan industri” yang senang diperas dengan gaji yang rendah. Dalam keadaan pengangguran yang tinggi, pekerja yang tidak dapat tahan dengan masa kerja panjang dan gaji rendah adalah susah untuk melawan, kerana sekiranya mereka menuntut gaji yang lebih tinggi atau masa kerja yang lebih pendek, maka mereka akan mudah digantikan oleh “tentera simpanan industri”, iaitu pekerja yang sedang menganggur dan perlukan kerja.

Di Malaysia, ramai pekerja tidak dapat memperoleh gaji yang mencukupi dengan hanya kerja 8 jam sehari. Mereka terpaksa melakukan kerja lebih masa. Ada juga yang perlu kerja pada hari rehat.

Jika anda pergi ke mana-mana sebuah sekolah, tanya pengawal keselamatan di situ, adakah sesiapa yang bukan kerja 12 jam sehari dan sekiranya anda dapat menemui seorang yang bukan kerja 12 jam sehari, ini memang suatu berita yang aneh.

Kerajaan kita menetapkan “Peraturan-peraturan Kerja (Had Kerja Lebih Masa)” pada tahun 1980, membenarkan had kerja lebih masa bertambah daripada 32 jam sebulan kepada 64 jam sebulan. Pada tahun 1991, apabila kerajaan pimpinan Mahathir bercita-cita tinggi mahu dijadikan Malaysia sebagai negara maju, peraturan ini telah dipinda, menaikkan had kerja lebih masa kepada 104 jam sebulan, bersamaan dengan 4 jam kerja lebih masa setiap hari. Dari kerja 8 jam sehari ke kerja 12 jam sehari, negara maju macam mana ni?

(sambung di m/s 10)



Gaji rendah susahkan pekerja

Gaji Minimum akhirnya dilaksanakan mulai tahun 2013 selepas desakan daripada organisasi-organisasi masyarakat seperti Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) dan Parti Sosialis Malaysia (PSM) untuk lebih satu dekad. Namun, apabila gaji minimum mula dilaksanakan, parasnya ditetapkan pada RM 900 sebulan untuk Semenanjung Malaysia, dan RM 800 sebulan untuk Sabah dan Sarawak. Ini merupakan paras gaji yang amat rendah. Selepas 3 ½ tahun, kerajaan hanya menaikkan gaji minimum mulai 1 Julai 2016, dengan RM 1,000 sebulan untuk Semenanjung Malaysia, dan RM 920 sebulan untuk Sabah dan Sarawak. Satu paras yang masih begitu rendah untuk pekerja-pekerja di negara kita.

Dengan penetapan gaji minimum pada paras yang begitu rendah untuk pekerja-pekerja, menyebabkan mereka terus hidup dalam keadaan tertekan dengan beban hidup yang semakin meningkat. Tambahan pula dengan pemotongan subsidi yang menyebabkan kenaikan harga minyak bahan api dan harga barangan keperluan asas, serta pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang memiskinkan lagi rakyat miskin, nasib pekerja bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga.

Dalam situasi gaji yang ditekan pada paras gaji yang rendah, adalah tidak hairan pekerja-pekerja kita sentiasa buat kerja lebih masa (OT). Pekerja buat kerja lebih masa bukan kerana mereka suka, tetapi gaji pokok rendah yang menyebabkan mereka

hidup susah.

Gaji yang rendah juga memaksa sesetengah pekerja membuat kerja sambilan untuk menambahkan pendapatan. Adakah mereka yang membuat dua kerja seronok untuk buat kerja mereka? Adakah pekerja yang buat kerja kedua dan malah adanya kerja ketiga itu berlainan daripada pekerja-pekerja lain kerana mempunyai masa 48 jam sehari dalam hidupnya?

Kerajaan negara kita yang sentiasa pro-kapitalis selama ini, telah melaksanakan dasar gaji rendah, demi mengekalkan “daya saing” negara kita untuk menarik pelabur asing. Walaupun kadar pengangguran di negara Malaysia boleh dikatakan rendah, tetapi “tentera simpanan industri” untuk negara kita tersebar di negara-negara sekeliling di rantau ini, dan berada dalam jumlah yang besar. Pembawaan masuk pekerja-pekerja migran dalam jumlah yang besar, tetapi pada masa yang sama tiadanya perlindungan untuk pekerja migran dari segi dasar buruh yang komprehensif dan undang-undang yang menjamin hak pekerja migran, menyebabkan pekerja-pekerja migran menjadi golongan yang mudah diperas dan senang dibuli oleh majikan. Pekerja-pekerja migran yang mudah diperas dan tiada jaminan hak untuk mereka, juga akan merugikan pekerja-pekerja tempatan, kerana pekerja-pekerja tempatan kehilangan kuasa tawar-menawar. Jika seseorang pekerja tempatan tidak berpuas hati dengan keadaan kerja dan cuba menuntut hak-haknya, majikan mempunyai kelebihan untuk menggantikan pekerja tempatan yang berani menuntut haknya dengan

pekerja migran yang lebih sedang dibuli. Jikalau pekerja-pekerja migran lawan balik pun, mereka senang ditamatkan kerja dan dihantar balik ke negara asal. Dengan penghakisan ke atas kuasa tawar-menawar pekerja, keadaan gaji rendah telah diteruskan lagi.

Oleh sebab ekonomi negara kita bergantung pada perusahaan yang berorientasikan eksport ke luar negara, maka pengilang yang mengeluarkan barangan untuk eksport dan kerajaan yang membuat dasar tidak pernah mengutamakan pasaran domestik kita sendiri. Negara Malaysia mempunyai penduduk seramai 32 juta orang, lebih ramai daripada penduduk Australia yang hanya ada 24 juta orang penduduk. Namun, kenapakah negara Malaysia tidak dianggap sebagai pasaran yang lebih besar daripada Australia? Amat jelas sekali, pendapatan majoriti rakyat, khususnya pekerja-pekerja yang makan gaji untuk menampung kehidupan, adalah amat rendah dan ini telah menyebabkan kuasa beli rakyat Malaysia juga amat rendah. Apabila kuasa beli tidak mencukupi, maka pasaran domestik pun jadi kecil.

Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) dan Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM), sejak dulu lagi membantah pelaksanaan gaji minimum dan cuba dapatkan kelonggaran atau penangguhan pelaksanaan kenaikan gaji minimum. Baru-baru ini pula, golongan kapitalis ini membantah Skim Insurans Pekerja (yang melindungi pekerja yang hilang kerja akibat krisis ekonomi). Mereka sentiasa mengadu bahawa langkah-

langkah untuk menambahbaikkan pendapatan dan memperbaiki syarat kehidupan pekerja ini akan meningkatkan kos pengeluaran mereka. Golongan kapitalis ini bersikap demikian bukan sahaja disebabkan mereka tidak pernah bersimpati pada keadaan hidup pekerja yang semakin susah, malah mereka tidak pernah memandang berat tentang menjadikan Malaysia sebagai pasaran sasaran mereka. Adakah mereka menganggap pekerja-pekerja di Malaysia bertaraf lebih rendah berbanding pekerja-pekerja di Australia?

Paras gaji minimum pada takat ini tidak bersesuaian dengan realiti hidup rakyat hari ini. Kerajaan perlu melakukan perubahan baru dengan memperkenalkan Dasar Gaji Sara Hidup (*living wage*). Dengan adanya Dasar Gaji Sara Hidup, gaji minimum akan ditetapkan pada paras yang lebih realistik untuk seseorang pekerja bagi memenuhi keperluan asasny, yang termasuk perumahan, makanan yang berkhasiat, kemudahan asas, pengangkutan, kesihatan dan rekreasi yang minimum.

Selain itu, perlindungan jaminan pendapatan untuk pekerja yang hilang kerja tanpa kerelaan mereka (iaitu diberhentikan kerja kerana syarikat muflis, kilang berpindah tempat atau majikan mahu kurangkan tenaga kerja), seperti tabung pemberhentian kerja, juga amat penting. Ini bukan sahaja memastikan pekerja tidak terjerat dalam kancah kemiskinan apabila kehilangan kerja, tetapi juga mengelakkan krisis ekonomi yang lebih teruk.

Kesatuan sekerja sentiasa diancam

Pada bulan Mac tahun ini, apabila aktivis daripada Kesatuan Pekerja-pekerja Pembersihan Swasta Perkidmatan Sokongan Di Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia mengedar risalah kepada pekerja-pekerja pembersihan di Hospital Teluk Intan untuk menggalakkan mereka menyertasi kesatuan sekerja, usaha tersebut telah dihalang oleh pegawai pengurusan daripada syarikat kontraktor yang mengupah pekerja-pekerja pembersihan tersebut. Pihak pengurusan syarikat kontraktor kemudian mengadakan perjumpaan dengan semua pekerja pembersihan, memberi amaran kepada pekerja-pekerja supaya jangan mendengar apa-apa cakap daripada kesatuan, dan tidak dibenarkan untuk menerima apa-apa risalah kesatuan. Pihak pengurusan juga mengugut pekerja-pekerja bahawa tindakan akan diambil ke atas semua pekerja sekiranya mendapat tahu mana-mana pekerja menyertai kesatuan sekerja. Peristiwa ini mencerminkan halangan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di Malaysia untuk menyertai kesatuan sekerja.

Gerakan kesatuan sekerja yang radikal di negara kita telah dihancurkan secara zalimnya oleh

kerajaan penjajah British pada tahun 1940-an, dan digantikan dengan “kesatuan kuning” yang menyokong pemerintah dan pro-majikan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1950-an dan hingga 1960-an, masih adanya perjuangan pekerja yang disusun oleh kesatuan sekerja. Misalnya mogok pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu (KTM) pada tahun 1962 (di mana lebih kurang 9,000 pekerja melibatkan diri dalam perjuangan mogok selama 22 hari), mogok pekerja ladang di Asahan pada tahun 1967 dan sebagainya. Ramai aktivis kesatuan sekerja zaman dahulu pernah ditahan di bawah Ordinan Darurat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang memang terkenal dengan kezalimannya.

Akta Kesatuan Sekerja 1959 telah mengenakan pelbagai sekatan terhadap organisasi kesatuan sekerja, dan pernah dipinda beberapa kali dengan setiap kali pindaan menjadi lebih teruk lagi untuk kesatuan sekerja. Pindaan terhadap Akta Kesatuan Sekerja yang paling teruk terjadi semasa kerajaan di bawah pimpinan Mahathir. Sejak zaman Mahathir, kesatuan sekerja di negara kita dilemahkan lagi, sehingga tiadanya kekuatan yang sebenar

untuk mempertahankan pekerja daripada ancaman kapitalis.

Kesatuan sekerja merupakan organisasi massa pekerja yang berperanan untuk memperjuangkan hak dan kepentingan pekerja. Kesatuan sekerja boleh membawa tuntutan pekerja ke depan melalui tindakan kolektif seperti mogok kerja, dan juga sebagai wakil pihak pekerja dalam perundingan tawar-menawar kolektif dengan majikan. Kesatuan sekerja berperanan untuk memperjuangkan tuntutan pekerja seperti kenaikan gaji, pengurangan masa kerja, penambahbaikan keadaan bekerja dan hak-hak pekerja. Oleh itu, kesatuan sekerja amat penting untuk pekerja.

Namun, kesatuan sekerja menghadapi ancaman berkecenderungan menjadi sebahagian daripada jentera sistem kapitalis untuk meneutralkan perjuangan pekerja, khususnya apabila operasinya menjadi semakin birokratik. Usaha memecahkan kesatuan sekerja di negara kita sejak dahulu lagi, telah menjadikan hampir semua kesatuan sekerja berfungsi sedemikian. Kekuatan sesebuah kesatuan sekerja terletak pada

penyertaan pekerja secara demokratik dalam organisasinya.

Sistem negara kebajikan yang diamalkan di negara-negara Eropah, wujud bukannya kerana golongan kapitalis tiba-tiba sedar pada suatu hari dan membenarkan kewujudannya, tetapi adalah hasil daripada gerakan kesatuan sekerja yang kuat sehingga memaksa golongan kapitalis terpaksa akur pada tuntutan pekerja. Apabila kekuatan kesatuan sekerja dilemahkan, kerajaan yang bersekongkol dengan golongan kapitalis akan menjadi lebih mudah untuk melaksanakan dasar yang menghakis hak pekerja.

Keanggotaan kesatuan sekerja di negara kita pada takat ini hanya lebih kurang 7% sahaja, satu peratusan yang begitu rendah. Lebih-lebih lagi, kebanyakan kesatuan sekerja tidak bertaring kerana telah dilemahkan oleh sekatan undang-undang, birokrasi organisasi, dan kehilangan budaya perjuangan kelas dalam kesatuan sekerja.

(sambung di m/s 14)

Adakah kematian T. Nhaveen akan sedarkan masyarakat kita?

Rakyat Malaysia dikejutkan dengan berita T. Nhaveen yang telah diseksa dengan kejam oleh sekumpulan pemuda yang kononnya hendak menjadikan T. Nhaveen seorang lelaki tulen. Doktor mendapati T. Nhaveen telah diliwat dengan menggunakan barang tumpul dan kemaluannya telah dicerahkan. Dua hari selepas kejadian, T. Nhaveen diisytiharkan “kematian otak”, dan pada 16 Jun lalu beliau telah meninggal dunia. Kematian T. Nhaveen telah membangkitkan kemarahan di kalangan rakyat Malaysia. Malah, 4 pemuda yang menyeksa dan menyebabkan kematian T. Nhaveen dan keluarga mereka telah dipulaukan oleh semua yang mengenali mereka. Tiada peguam yang tampil ke hadapan untuk membela mereka apabila pertuduhan dibuat di mahkamah. Rakyat menuntut keadilan untuk T. Nhaveen dan meminta 4 pemuda itu dihukum gantung.

Kematian T. Nhaveen ini telah berlaku dalam masa 2 minggu setelah kematian adik Zulfarhan yang telah diseksa oleh rakan-rakan seuniversiti di Universiti Pertahanan Malaysia untuk sebab-sebab yang belum diketahui sehingga kini.

Namun, kematian T. Nhaveen dikatakan berlaku kerana beliau jenis lelaki lembut, maka rakan-rakan sebayanya telah membulinya dengan teruk untuk menjadikannya lebih lelaki. Ini disahkan melalui kenyataan guru sekolahnya yang jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah mengetahui beliau telah dibuli sepanjang persekolahannya dan membiarkannya berlaku.

Kebangkitan rakyat terutamanya masyarakat India memberi gambaran bahawa rakyat Malaysia telah sedar bahawa mereka yang berbeza daripada norma mempunyai hak dan rakyat menerima perbezaan itu.

Namun, adakah ini benar? Adakah rakyat Malaysia telah sedar akan hak mereka yang berbeza dan ingin menegakkan keadilan bagi mereka? Kalau kita lihat kepada satu lagi insiden yang berlaku tahun ini juga, kita akan tahu keadaan sebenar.

Pada 24 Februari lalu, Sameera Krishnan seorang transgender yang tinggal di Kuantan telah dibunuh dengan kejam semasa beliau keluar untuk membeli makanan pada waktu malam. Beliau telah ditetak banyak kali di beberapa bahagian badannya dan ditembak tiga kali sebelum meninggal dunia. Bukan itu sahaja, setelah beliau mati, badan beliau telah dicatatkan dengan kejam sehingga sukar untuk dikenal pasti. Walaupun motif sebenar pembunuhan ini tidak diketahui, namun salah satu sebab beliau dibunuh adalah beliau seorang transgender. Tetapi, sedihnya tiada orang yang endahkan kematian Sameera Krishnan ini, kecuali komuniti transgender dan pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia. Malah untuk rakyat


Malaysia, ia hanya satu berita yang kita baca dan lupakan. Kenapa tiada reaksi terhadap pembunuhan yang kejam ini? Kenapa tiada satu kebangkitan menuntut keadilan untuk Sameera Krishnan? Oh ya, kan dia seorang transgender, tentulah rakyat tidak kisah kan?

Maka, nampaknya kemarahan terhadap kematian T. Nhaveen adalah hanya untuk sementara. Isu sebenar tidak ditangani atau dibincangkan. Apakah isu sebenar kematian T. Nhaveen? Adakah buli sahaja isunya? Kenapa beliau dibuli? Kenapa soalan ini tidak ditanya atau dibicarakan? Adakah masyarakat tidak tahu atau tidak mahu menerima kenyataan yang mereka juga adalah penyebab kematian T. Nhaveen?

Tahukah anda bahawa masyarakat yang hari ini menuntut keadilan untuk kematian T. Nhaveen juga bertanggungjawab ke atas kematian T. Nhaveen? Kalau kita analisa, T. Nhaveen dibuli sepanjang persekolahannya kerana beliau adalah seorang yang dikatakan bersifat lembut, iaitu lelaki lembut. Berapa kali kita sebagai orang biasa apabila melihat lelaki sebegitu kita akan mengejek mereka sebagai pondan, sotong, perempuan dan sebagainya. Adakah sesiapa berani mengaku yang mereka tidak pernah sekalipun berbuat begitu? Tidak mungkin, kerana ejekan sebegini bagaikan hiburan untuk ramai orang.

T. Nhaveen pun diejek dan dibuli sebegitu supaya dia menjadi lelaki sejati. Ini telah disahkan oleh guru sekolahnya sendiri, dan malangnya guru sekolah pun tidak menghalang pbulian ini. Malah, ada perkongsian dalam facebook, di mana seorang ibu menyatakan bahawa anaknya telah dipanggil pondan oleh guru sekolah kerana lambat membuat sesuatu kerja. Oleh kerana guru sendiri mengejek anaknya sebegitu, maka kawan-kawannya juga turut melakukan perkara yang sama.

Sedarkah anda apa masalahnya? Masyarakat tidak boleh terima lelaki lembut mahupun perempuan kasar. Kalau lelaki lembut, maka ia akan dibuli supaya menjadi lelaki sejati, manakala perempuan yang berani dan kasar akan diejek menggunakan seksualitinya supaya dia menukar wataknya menjadi wanita “sebenar”, iaitu lemah lembut. Keadaan transgender, lelaki gay dan sesiapa yang berbeza adalah sangat teruk, di mana masyarakat akan memulaukan mereka dan melayan mereka sebagai manusia ciplak, iaitu tidak dihormati, sentiasa diejek, dibuli dan diketawakan. Inilah keadaan sebenar rakyat Malaysia yang hipokrit, yang tidak tahu menghormati perbezaan dan sentiasa mempersendakan orang yang berkelakuan berbeza daripada norma biasa. Masyarakat Malaysia sentiasa memaksa sesiapa yang berbeza untuk menjadi normal, kerana mereka berfikir perbezaan itu adalah satu penyakit. Inilah yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan



apabila ia mengumumkan satu pertandingan video mencegah homoseksualiti dan tiada bantahan daripada rakyat kecuali pertubuhan hak asasi dan komuniti transgender dan LGBTQ. Walaupun di peringkat antarabangsa mereka yang bersifat homoseksual, transgender dan berbeza kelakuan telah diterima, malah di India dan Pakistan, kerajaan telah mengiktiraf gender ketiga, namun di Malaysia sehingga kini masyarakat sendiri memperlekehkan mereka.

Maka, jelas di sini, 4 pemuda yang telah menyeksa T. Nhaveen hanya adalah alat membunuh T. Nhaveen, tetapi pembunuh sebenar adalah masyarakat Malaysia sendiri yang juga terdiri daripada mereka yang tidak menerima perbezaan di kalangan manusia dan sentiasa memaksa mereka yang berbeza untuk kembali “normal”. Masyarakat inilah yang menjadikan 4 pemuda itu berfikir bahawa adalah tidak salah untuk membuli dan menyeksa T. Nhaveen. Masyarakat inilah yang membenarkan pembunuhan berlaku terhadap T. Nhaveen di sekolah dan di luar sekolah. Apabila seorang berani menyoal pbulian itu, iaitu kawan baiknya T. Previin, dia juga turut diserang oleh kumpulan pemuda itu.

Hari ini, masyarakat yang sama menuntut keadilan untuk kematian T. Nhaveen dan inginkan 4 pemuda itu dihukum mati. Namun persoalannya di sini, adakah kematian T. Nhaveen ini akan menukar fikiran rakyat Malaysia dan membuka hati mereka

untuk menerima orang yang berbeza? Adakah kita akan berhenti mengejek orang dengan perkataan seperti pondan atau sotong, dan tidak memulaukan mereka yang berbeza?

Kenyataan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 19 Jun lalu, tiga hari selepas kematian T. Nhaveen yang menyatakan bahawa JAKIM tidak setuju komuniti LGBTQ dibuli dan didiskriminasi jelas menunjukkan masalah itu wujud di Malaysia. Namun, kenyataan ini adalah satu perkembangan yang positif hanya setelah kematian T. Nhaveen.

Persoalannya, adakah kematian T. Nhaveen akan menyedarkan rakyat bahawa orang yang berbeza juga adalah manusia biasa dan harus dihormati, ataupun peristiwa ini akan hilang daripada ingatan kita dengan peredaran masa dan kita akan terus membuli, mendiskriminasi dan mengejek orang yang berbeza?

Jika kita tidak mahu satu lagi kematian seperti T. Nhaveen, kita sebagai rakyat Malaysia harus berhenti mendiskriminasi, membuli dan mengejek orang yang berbeza daripada norma. Bukan itu sahaja, kita juga harus mengutuk mereka yang bertindak membuli dan mendiskriminasi mereka yang berbeza dan menegakkan hak mereka yang berbeza supaya kematian T. Nhaveen tidak sia-sia dan kejadian seperti ini tidak berulang lagi. Perubahan harus bermula daripada kita semua! ##

Pilihanraya UK 2017 “Oh, Jeremy Corbyn!”

Parti Buruh bangkit semula dengan politik kiri

United Kingdom (UK) telah mengadakan pilihanraya umum awal pada 8 Jun lalu, dengan menyaksikan Parti Konservatif yang dijangka menang besar pada awalnya telah kehilangan majoriti dalam Dewan Rakyat Parlimen UK. Parti Buruh di bawah pimpinan Jeremy Corbyn telah berjaya menggerakkan satu kempen yang membangkitkan semula harapan rakyat biasa terhadap alternatif kiri yang menjamin kesejahteraan rakyat.

Sebanyak 650 kerusi dipertandingkan. Peratusan mengundi pada kali ini mencecah 68.7%, naik sebanyak 2.3 titik peratusan, angka tertinggi dalam 20 tahun kebelakangan ini.

Theresa May tercabar

Theresa May, Perdana Menteri UK yang juga merupakan Pemimpin Parti Konservatif, memanggil pilihanraya awal ini dengan hasrat untuk memperkukuhkan kekuasaan Parti Konservatif dan menghancurkan Parti Buruh secara politik. Namun usaha ini nampaknya tidak berjaya sama sekali, malah keputusan pilihanraya mengundang krisis baru untuk Parti Konservatif dan kelas pemerintah di UK.

Theresa May menggantikan David Cameron sebagai Perdana Menteri UK pada bulan Julai 2016, selepas Cameron meletak jawatan kerana gagal untuk mengekalkan UK dalam Kesatuan Eropah (EU) dalam pengundian referendum Brexit (UK keluar daripada EU). Rundingan untuk Brexit menjadi salah satu tugas utama Theresa May selepas beliau mengambil alih kuasa. Namun, elit politik berhaluan kanan seperti Theresa May ingin menjadikan UK sebagai tempat berlindung cukai untuk golongan kaya selepas Brexit, dengan melaksanakan lebih banyak lagi dasar “penjimatan” (*austerity*), iaitu dasar mengurangkan perbelanjaan sosial, yang bakal memburukkan lagi situasi ketidakadilan sosial.

Sejak Parti Konservatif kembali mentadbir UK pada tahun 2010 apabila membentuk kerajaan campuran dengan Parti Demokrat Liberal, dan kemudiannya membentuk kerajaan secara sendiri selepas pilihanraya 2015, rakyat UK telah mengalami serangan pemotongan perbelanjaan sosial secara bertubi-tubi, di mana sistem kesihatan, pendidikan dan sebagainya telah menerima impak besar kerana kerajaan mengurangkan perbelanjaan kebajikan sosial secara mendadak. Walaupun UK merupakan ekonomi kelima besar di dunia, tetapi terdapat seramai 4 juta kanak-kanak (ataupun bersamaan 30% jumlah kanak-kanak) di UK hidup dalam kemiskinan. Jurang antara yang kaya dengan yang miskin juga semakin melebar.

Parti Konservatif memperoleh 318 kerusi, berkurangan sebanyak 13 kerusi berbanding pilihanraya pada tahun 2015. Jumlah kerusi ini masih kurang 8 lagi untuk Parti Konservatif membentuk kerajaan secara sendiri. Ini amat berbeza dengan harapan asal Theresa May dan Parti Konservatif untuk mendapat kemenangan besar.

Parti Konservatif memperoleh undi sebanyak 42.3%, meningkat sebanyak 5.4 titik peratusan berbanding pilihanraya sebelum ini, tetapi Parti Konservatif langsung tidak dapat bergembira dengan keputusan sebegini. Pada awalnya semasa Parlimen dibubarkan, kadar sokongan terhadap Parti Konservatif di bawah pimpinan Theresa May

mendahului Parti Buruh sebanyak 20 titik peratusan, satu jurang perbezaan yang begitu jauh dan patut mendatangkan kemenangan besar. Parti Konservatif mensasarkan untuk menambah sebanyak 100 kerusi. Namun, dengan kebangkitan hebat Parti Buruh dalam kempen pilihanraya, harapan Theresa May hancur berkecai. Parti Konservatif bukan sahaja hilang majoriti dan wujudnya parlimen tergantung untuk kali ketiga dalam sejarah UK, malah ia terpaksa mengekalkan pemerintahannya sebagai kerajaan minoriti dengan sokongan daripada Parti Kesatuan Demokratik (DUP), sebuah parti dari Ireland Utara yang berkait rapat dengan golongan penganas loyalis Ulster. Keputusan pilihanraya UK kali ini memang merupakan satu malapetaka untuk Parti Konservatif.

Theresa May pada awalnya ingat boleh menambahkan majoriti Parti Konservatif dalam Parlimen, dan sekali gus menghancurkan Parti Buruh yang dipimpin oleh pemimpin berhaluan kiri Jeremy Corbyn. Namun, percaturan Theresa May dan elit pemerintah ini menemui kegagalan hebat. Corbyn telah muncul sebagai penghancur harapan kelas pemerintah UK.

Pemimpin yang buat “U-turn” dihukum

Sejak Theresa May mengambil alih jawatan Perdana Menteri UK pada tahun lepas, pernah beberapa kali berkata bahawa pilihanraya tidak akan diadakan sebelum tahun 2020, namun beliau telah membuat “U-turn” tidak sampai setahun dengan mengadakan pilihanraya secara mengejut pada kali ini. Akhirnya, pengundi menghukum pemimpin negara yang membuat “U-turn”.

Walaupun Theresa May menyatakan bahawa kerajaannya perlukan mandat yang lebih besar sebagai alasan untuk pilihanraya awal, tetapi dia mempunyai percaturan untuk meraih kemenangan besar, kerana kadar sokongan terhadap Parti Konservatif jauh lebih tinggi daripada Parti Buruh dalam tinjauan pendapat sebelum pembubaran parlimen.

Namun, Theresa May telah cuba elakkan diri daripada berdepan dengan Jeremy Corbyn, termasuk enggan mengambil bahagian dalam debat perdana secara siaran langsung televisyen. Manifesto Parti Konservatif juga mengundang pelbagai kritikan, khususnya rombakan penjagaan sosial yang digelar sebagai “Cukai Dementia”. Theresa May cuba menggunakan insiden serangan keganasan di Manchester dan London semasa kempen pilihanraya untuk meraih undi, tetapi nampaknya tidak begitu berjaya juga.

Kegagalan dan tamparan yang diterima Parti Konservatif bukannya sebarangan. Ben Gummer, pengarang untuk Manifesto Pilihanraya Parti Konservatif, gagal mempertahankan kerusinya di Ipswich; Gavin Barwell, penyandang jawatan Menteri Perumahan dan juga penulis buku untuk “Bagaimana untuk



memenangi kerusi marginal?”, telah kalah di Croydon Central; sementara Amber Rudd, Setiausaha Dalam Negeri yang mewakili Theresa May dalam debat televisyen, hanya menang dengan beza undi yang tipis di Hasting and Rye.

Oleh sebab Parti Konservatif tidak mendapat majoriti dalam Parlimen, ia terpaksa mendapatkan sokongan DUP untuk membentuk kerajaan minoriti. Pengasas DUP, Ian Paisley, merupakan seorang fundamentalis Protestan yang pernah menyertai organisasi separa tentera loyalis di Ireland Utara, dan menentang gerakan hak sivil penganut Katolik di Ireland Utara. DUP pernah cuba membentuk organisasi separa tentera pada tahun 1980-an. Organisasi separa tentera loyalis Ulster di Ireland Utara pernah menjalankan aktiviti keganasan yang membunuh penganut Katolik di situ. Semasa kempen pilihanraya, Parti Konservatif dan media arus perdana melontarkan tuduhan palsu berniat jahat yang mengatakan Corbyn sebagai “kawan kepada penganas” yang menyokong Tentera Republikan Ireland (IRA) dan Parti Buruh hanya akan membentuk “Gabungan yang Huru-hara” bersama parti-parti lain. Namun, nampaknya sekarang Parti Konservatif yang terbukti dirinya “kawan kepada penganas” dan membentuk satu “Gabungan yang Huru-hara” dengan parti berhaluan kanan lampau.

DUP mengambil pendirian politik yang amat konservatif, mempertahankan kesatuan negara UK dan tradisi budaya Protestan Ulster, menentang pengguguran dan anti-LGBT. Sebahagian daripada pemimpin DUP menolak pandangan umum tentang perubahan iklim dan menganggap pemanasan bumi adalah tidak benar.

Kejutan besar daripada Parti Buruh

Sokongan terhadap Parti Buruh dalam tinjauan pandangan sebelum pilihanraya, adalah jauh di belakang Parti Konservatif. Semasa Parlimen UK dibubarkan, Parti Buruh ketinggalan sekurang-kurangnya 20 titik peratusan di belakang Parti Konservatif. Hampir semua media arus perdana dan penganalisis politik menjangkakan Parti Buruh akan kalah teruk. Namun, keputusan pilihanraya telah mengejutkan ramai orang. Parti Buruh di bawah pimpinan Jeremy Corbyn, telah menjalankan satu kempen pilihanraya yang amat berjaya dan mencetuskan imaginasi orang ramai tentang alternatif kiri untuk UK.

Sejak Jeremy Corbyn dipilih menjadi Pemimpin Parti Buruh pada tahun 2015, puak kanan dalam Parti Buruh, khususnya golongan Blairite (iaitu penyokong hala tuju politik berhaluan kanan yang diamalkan sejak zaman Tony Blair jadi Pemimpin Parti Buruh), telah mencuba segala cara untuk menyerang Corbyn dan cuba menjatuhkan kepimpinannya. Media arus perdana UK juga mengambil pendekatan yang bermusuhan dengan Corbyn. Hampir semua komentar cuba memberikan gambaran yang negatif tentang Corbyn. Seluruh kelas pemerintah UK mahu jatuhkan Corbyn, walaupun beliau hanya merupakan Ketua Pembangkang, kerana Corbyn membawa agenda politik kiri yang menggugat kepentingan kelas pemerintah UK.

Tiada satu media arus perdana ataupun penganalisis yang menjangkakan Corbyn boleh menang besar dalam pemilihan Pemimpin Parti Buruh pada tahun 2015. Pada tahun 2016, kedudukan Corbyn sebagai Pemimpin Parti Buruh dicabar apabila majoriti daripada ahli parlimen Parti Buruh menentangnya dan tercetus satu lagi pemilihan Pemimpin Parti, tetapi sekali lagi tiada siapa yang menjangkakan Corbyn boleh menang dengan perolehan undi yang lebih tinggi lagi. Walaupun elit politik dalam Parti Buruh tidak suka pada Corbyn, tetapi beliau sangat popular di kalangan ahli-ahli akar umbi Parti Buruh.

Dalam pilihanraya umum UK baru-baru ini, media arus perdana menjangkakan Parti Buruh di bawah pimpinan Corbyn akan menerima kekalahan teruk, tetapi Corbyn sekali lagi menghancurkan tanggapan dan jangkaan media arus perdana yang begitu terpisah daripada realiti masyarakat. Rakyat biasa sudah muak dengan politik elit yang hanya menjaga kestabilan sistem kapitalis, dan inginkan perubahan yang benar-benar menjamin kesejahteraan.

Di bawah pimpinan Corbyn, Parti Buruh telah bangkit semula dengan dasar yang berhaluan kiri dan berjaya menambat hati rakyat. Jurang sokongan rakyat dalam tinjauan pandangan antara Parti Buruh dengan Parti Konservatif semakin berkurangan sepanjang tempoh kempen, sehingga Parti Buruh berjaya menafikan kerusi majoriti bagi Parti Konservatif. Walaupun Parti Buruh masih tidak dapat mengatasi Parti Konservatif dari segi perolehan undi dan kerusi, tetapi pencapaiannya yang memberangsangkan ini sudah cukup untuk mengejutkan ramai orang.

(sambung di m/s 13)

(sambung dari m/s 12)

Kensington merupakan kawasan parlimen yang terakhir diketahui keputusan pilihanraya. Di kawasan yang merupakan kubu kuat Parti Konservatif selama ini, selepas pengiraan undi dan pengiraan semula yang berlarutan untuk semalaman, masih tidak dapat menentukan pemenang kerana perbezaan undi adalah begitu kecil. Pada waktu pagi 9 Jun, pegawai pilihanraya di Kensington terpaksa memberhentikan proses pengiraan undi untuk sementara, supaya semua kakitangan pengiraan undi dapat balik rumah untuk berehat, dan proses pengiraan semula undi diteruskan pada pukul 6 petang. Keputusannya, Emma Dent Coad, calon Parti Buruh, berjaya mengalahkan calon Parti Konservatif yang juga merupakan penyandang jawatan ahli parlimen Kensington, dengan perbezaan undi lebih kurang 20 sahaja. Parti Konservatif menang di Kensington dengan undi majoriti lebih 7000 pada tahun 2015, tetapi dikalahkan oleh Parti Buruh dengan perbezaan undi yang amat kecil ini. Ini menunjukkan bagaimana sengitnya pertandingan kali ini. Parti Buruh berjaya menawan kubu kuat Parti Konservatif, menandakan kebangkitan semula Parti Buruh yang mengembalikan politik kiri untuk UK.

Parti Buruh telah memenangi sebanyak 262 kerusi, bertambah 30 kerusi berbanding tahun 2015. Jumlah undi popular yang diperoleh Parti Buruh mencecah 12,874,985, bersamaan 40.0% daripada jumlah undi. Perbezaan undi antara Parti Buruh dengan Parti Konservatif hanya lebih kurang 750,000 undi, ataupun bersamaan 2.3 titik peratusan. Peratusan undi yang dimenangi Parti Buruh telah meningkat sebanyak 9.5 titik peratusan berbanding tahun 2015, satu peningkatan yang paling tinggi dalam sejarah Parti Buruh. Undi yang diperoleh Parti Buruh di bawah pimpinan Corbyn, juga merupakan jumlah undi yang paling tinggi dalam 20 tahun kebelakangan ini, lebih tinggi daripada Ed Miliband pada tahun 20115, Gordon Brown pada tahun 2010 dan Tony Blair pada tahun 2005. Jumlah undi yang dimenangi Parti Buruh tahun ini hanya kurang 640,000 berbanding jumlah undi diperolehi Parti Buruh semasa menang besar dalam pilihanraya umum 1997.

“Untuk ramai, bukan segelintir”

Pencapaian hebat Parti Buruh dalam pilihanraya umum baru-baru ini, merupakan hasil perjuangan politik kiri selepas Corbyn menjadi Pemimpin Parti Buruh. Perkembangan ini memberangsang kebangkitan yang berlarutan untuk politik kiri di UK dan juga Eropah.

Satu perkara mustahak yang tidak dapat dinafikan adalah, Jeremy Corbyn merupakan faktor yang amat penting untuk pencapaian Parti Buruh dalam pilihanraya kali ini. Satu gelombang kebangkitan kiri telah dimulakan sejak Corbyn jadi Pemimpin Parti Buruh selepas tahun 2015. Corbyn berpegang kuat pada pendirian politiknya yang berhaluan kiri, secara konsisten dan sentiasa melibatkan diri dalam perjuangan menegakkan demokrasi dan hak asasi manusia, serta keadilan sosial. Corbyn tidak tunduk pada golongan mahakaya dan mereka yang berkuasa. Ini telah berjaya mewujudkan keyakinan ramai dan memperhebatkan sokongan terhadapnya. Ramai yang tidak pernah mengundi sebelum ini, telah mengundi untuk kali pertamanya kerana Corbyn; adanya orang yang pada asalnya menyokong Parti Konservatif, tetapi telah beralih kepada Parti Buruh selepas mendengar ucapan politik Corbyn dan memahami dasar-dasar yang dibawanya; ada juga ramai ahli Parti Buruh yang

sudah kecewa dengan parti, telah kembali menyokong Parti Buruh kerana Corbyn.

Walau bagaimanapun, politik tidak boleh digerakkan hanya dengan seorang pemimpin sahaja. Ini juga bukan urusan Corbyn seorang sahaja. Gerakan politik massa yang berkisar pada Corbyn, telah mencetuskan minat anak muda terhadap politik kiri yang semakin meningkat. Gerakan rakyat yang bergelar Momentum, telah memainkan peranan penting dalam membina kesedaran rakyat untuk alternatif kiri yang berkisarkan idea-idea politik yang dibawa Corbyn.

Dalam kempen pilihanraya umum UK yang baru-baru ini, pasukan kempen Parti Buruh yang dipimpin Corbyn telah menonjolkan kedinamikan yang sangat hebat. Tambahan pula dengan strategi publisiti melalui media sosial, Parti Buruh berjaya melipatgandakan sokongan terhadapnya.

Parti Buruh di bawah pimpinan Corbyn, telah menumpukan kempen pilihanrayanya kepada isu-isu asas yang penting – dasar penjimatan yang menghancurkan perkhidmatan awam, penswastaaan yang menggadaikan kepentingan rakyat dan jurang perbezaan kekayaan yang semakin melebar. Fokus pada isu-isu asas ini juga membolehkan seluruh kempen pilihanraya mensasarkan punca asas krisis masyarakat pada hari ini, dan mencabar kekuasaan kelas pemerintah.

Dalam Manifesto Pilihanraya Parti Buruh, telah dibangkitkan tuntutan untuk pemiliknegara keretapi, pemansuhan yuran universiti, naikkan cukai ke atas orang kaya, naikkan gaji minimum dan sebagainya, amat jelasnya bahawa Parti Buruh di bawah Corbyn sedang berputus dengan fahaman “Jalan Ketiga” (dasar ekonomi pro-kalitalis yang lebih bersifat neo-liberal lagi berbanding Thatcherisme) yang diterajui Tony Blair.

Dalam Manifesto Pilihanraya Parti Buruh 2017 yang bertemakan “Untuk ramai, bukan segelintir” (*For the Many, Not the Few*), telah dikemukakan banyak perubahan dasar dan janji yang penting, termasuk:

- Naikkan cukai korporat ke 26%. (Kadar cukai ini masih kurang berbanding tahun 2010.)
- Menubuhkan Dana Transformasi Negara, di mana £250 bilion akan dilaburkan dalam tempoh masa 10 tahun untuk meningkatkan ekonomi.
- Memperkenalkan cukai transaksi kewangan.
- Memperkukuhkan sistem perkhidmatan kesihatan nasional (NHS).
- Hapuskan pengutipan yuran parkir di hospital.
- Naikkan gaji minimum, mencapai sekurang-kurangnya £10 sehari apabila menjelang tahun 2020.
- Haramkan kontrak kerja jam sifar (iaitu kontrak kerja yang tidak menetapkan had masa kerja).
- Haramkan latihan internship tanpa upah.
- Tambah 4 hari cuti umum.
- Pemiliknegara semula perkhidmatan keretapi.
- Pemiliknegara semula perkhidmatan pos.
- Pemiliknegara semula pembekalan tenaga.
- Pemiliknegara semula sistem bekalan air.
- Pastikan 60% sumber tenaga UK datang daripada sumber sifar pembebasan karbon ataupun sumber yang boleh diperbaharui.
- Haramkan perlombongan sumber bahan api dengan cara “fracking”.
- Membina sekuran-kurangnya 1 juta rumah, di mana separuhnya untuk kegunaan penyewaan sosial.
- Mansuhkan yuran universiti.
- Bekalkan makan tengahari percuma kepada pelajar sekolah.
- Menjamin “kunci tiga kali ganda”

untuk wang pencen (iaitu wang pencen meningkat mengikut wang tertinggi antara ketiga-tiga perkara – kadar inflasi, peningkatan pendapatan purata atau 2.5%).

- Membekalkan lebih banyak perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang percuma.
- Menyemak semula secara menyeluruh strategi pertahanan dan keselamatan UK.
- Menerima keputusan referendum Brexit, mewujudkan hubungan baru yang erat dengan EU, dengan meletakkan pekerjaan dan hak pekerja sebagai keutamaan.

Walaupun Corbyn berkompromi dengan puak kanan dalam parti, tetapi Manifesto Parti Buruh 2017 merupakan dokumen politik yang paling berhaluan kiri sejak tahun 1983. Manifesto dengan dasar politik yang jelas ini, telah membantu dalam meningkatkan sokongan pengundi terhadap Parti Buruh.

Undi yang diberikan kepada Parti Buruh, adalah manifestasi ketidakpuasan hati terhadap dasar “penjimatan”, ketidakadilan sosial, jurang perbezaan kekayaan yang semakin melebar dan kekuasaan elit mahakaya. Isu rakyat berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat, merupakan faktor penting dalam mempengaruhi undi.

Dalam keadaan krisis ekonomi kapitalis yang semakin mendalam, puak berhaluan kanan lampau telah mengambil kesempatan untuk memperluaskan politik yang xenofobia dan rasis. Namun, dengan adanya kebangkitan semula kuasa politik kiri, maka dapat menangkis ancaman trend politik yang mencondong ke haluan kanan. Politik kiri juga dapat menawarkan alternatif sebenar kepada mereka yang tidak lagi percaya pada sistem sosio-politik yang sedia ada.

Pilihan yang radikal

Selepas Corbyn menang untuk kali ke-9 di Islington Utara dengan memperolehi 73% undi, beliau berkata, “Politik sudah berubah. Politik tidak lagi kembali ke kotak yang asal. Rakyat dah nyatakan bahawa mereka sudah cukup dengan politik ‘penjimatan’, cukup dengan pengurangan perbelanjaan awam, kekurangan dana untuk perkhidmatan kesihatan, kekurangan untuk sekolah dan perkhidmatan pendidikan, serta tidak memberikan peluang sepatutnya kepada anak muda kita dalam masyarakat.”

Corbyn dan gerakan massa di sekelilingnya, telah berjaya menjadikan Parti Buruh sebagai satu pilihan alternatif yang sebenar untuk rakyat UK. Walaupun Corbyn diserang bertubi-tubi oleh golongan liberal dan mereka berhaluan kanan, sama ada dalam atau luar parti, beliau masih mampu membawa perubahan kepada Parti Buruh, menjadikannya sebuah parti kiri yang berdinamik, dan berpisah daripada “Parti Buruh Baru” yang pro-kapitalis yang dibangunkan oleh Blair. Parti Buruh kembali kepada asal usulnya, sebuah parti yang berkhidmat dan berjuang untuk kepentingan kelas pekerja.

Semasa ucapan dalam perhimpunan kempen pilihanraya yang terakhir pada 7 Jun lalu, Corbyn berkata, “Kami bukannya parti hartawan, kami bukannya parti elit korporat, kami adalah parti untuk rakyat.”

Corbyn juga menunjukkan sifat-sifat asas yang perlu dimiliki oleh seseorang ahli politik: berprinsip dan konsisten. Corbyn sentiasa berpegang kuat pada pendirian politik kirinya, dan memperjuangkan kepentingan rakyat secara konsisten. Corbyn tidak cuba mengubahsuai pendiriannya untuk memujuk golongan yang berkuasa. Pemimpin yang berprinsip dan konsisten dalam perjuangan, pastinya

akan mendapat penghormatan, keyakinan dan kepercayaan daripada rakyat.

Kempen Corbyn dan Parti Buruh dalam pilihanraya umum UK baru-baru ini, telah membuktikan bahawa alternatif kiri masih boleh mendapatkan sokongan meluas daripada rakyat. Walaupun dalam suasana politik yang masih didominasi pemikiran kapitalis, tetapi jika adanya program politik alternatif yang jelas, dan juga mampu menangkap imaginasi rakyat terhadap sosialisme, semestinya politik kiri dapat berkembang dengan hebatnya.

Walaupun tidak dapat menang kerusi majoriti, tetapi Corbyn tidak berputus asa dalam memperjuangkan agenda politik perubahan, sebaliknya Parti Buruh di bawah kepimpinan Corbyn menjadi lebih berkeyakinan dalam menawarkan dirinya sebagai pengganti yang sudah bersiap sedia menggantikan kerajaan pimpinan Theresa May. Memang kerajaan minoriti pimpinan Theresa May sekarang ini adalah amat lemah dan tidak stabil. Berkemungkinan besar Parlimen UK akan dibubarkan tidak lama lagi kerana kerajaan minoriti dengan sokongan daripada parti berhaluan kanan lampau nampaknya tidak mungkin akan dapat mentadbir negara tanpa apa-apa gangguan. Malah, kebakaran Menara Grenfall baru-baru ini mencetuskan lagi kemarahan rakyat biasa yang lebih hebat terhadap kerajaan Konservatif yang meminggirkan rakyat berpendapatan rendah. Berbeza dengan kepimpinan Theresa May yang semakin bergoyah, Corbyn telah bersedia menawarkan pilihan yang alternatif untuk mentadbir UK.

Kuasa kiri harapan rakyat

Satu gelombang kiri sedang menular negara-negara Dunia Barat. Selain UK, di Amerika Syarikat (AS), semasa pilihanraya Presiden tahun lepas, Bernie Sanders, seorang sosialis yang memperjuangkan keadilan sosial, berjaya menang dalam 23 negeri semasa pemilihan awal Parti Demokratik, dengan meraih undi sebanyak 13 juta. Di Perancis, Jean-Luc Mélenchon, calon kiri dalam pilihanraya Presiden tahun ini, telah memperoleh lebih 7 juta undi semasa pengundian pusingan pertama, dan amat popular di kalangan anak muda. Di Sepanyol, Podemos, parti berhaluan kiri yang membantah dasar “penjimatan”, telah berjaya meraih lebih 5 juta undi dalam pilihanraya umum pada tahun 2015 dan 2016.

Namun, kita perlu sedar bahawa hanya sekadar membuat penambahbaikan terhadap sistem kapitalis adalah tidak mencukupi. Daripada pengalaman SYRIZA di Greece, sebuah parti kiri yang menang dalam pilihanraya dan membentuk kerajaan atas janji menentang dasar “penjimatan”, telah ditekan begitu hebat oleh kuasa-kuasa besar sehingga terpaksa tunduk kepada kehendak kelas pemerintah Eropah. Oleh itu, untuk membawa perubahan sebenar bagi masyarakat dan membina alternatif kiri, perlunya gerakan massa yang sedar sebagai penggerak.

Masalah dan krisis masyarakat yang ditimbulkan oleh kapitalisme, tidak boleh diselesaikan hanya sekadar pendekatan yang reformis, tetapi perlukan kesungguhan politik yang kuat dan kuasa rakyat bawahan yang mencukupi untuk menggerakkan perubahan sosial dari bawah.

Selagi adanya orang yang mahukan perubahan masyarakat secara menyeluruh, sudah pastinya ada orang yang dapat menerima politik kiri. Kuasa politik kiri perlu membolehkan rakyat melihat harapan, sementara rakyat yang semakin sedar dalam proses penyertaan politik, akan menjadi harapan kepada perkembangan lanjut politik kiri. ##



Mahasiswa Bangkit!

sebuah cerpen oleh
K.Z. Iskandar Zulfaqar

Alif terdiam. Mungkin kerana tidak dapat menerima keputusan pihak universiti yang memaksa kesemua penuntut untuk turun menyertai perhimpunan bersempena ulangtahun sebuah parti politik.

Baginya mahasiswa juga mempunyai hak dan tidak boleh dipaksa. Apa yang sedang berlaku ini jelas menunjukkan parti politik itu sudah tidak relevan dan tidak mendapat sambutan daripada rakyat sehingga menyebabkan mereka memaksa warga universiti untuk memeriahkan perhimpunan anjuran mereka.

“Apa dah jadi ni Alif? Takkan kita nak diam saja?”

Kedengaran suara daripada arah belakang. Alif menolah dan mendapati rakannya, Lim sedang berjalan ke arahnya. Lim juga kurang selesa dengan keputusan pemaksaan tersebut.

“Aku memang tak setuju dengan keputusan mereka itu. Kita perlu buat sesuatu, tapi aku takut kita akan dikenakan tindakan,” kata Alif.

“Kalau nak ikutkan perasaan memang kita akan takut. Tapi aku fikir, kalau kita berdiam diri, mesti kita kena paksa pergi juga.” Lim dengan beraninya ingin menyuarakan

ketidakpuasan hatinya terhadap paksaan itu.

Sedang asyik mereka membincangkan isu paksaan itu, Raju datang dan menyertai perbualan tersebut. Seperti Alif dan Lim, Raju juga tidak bersetuju dengan paksaan yang dikenakan itu.

“Mereka ingat mahasiswa ni robot ke? Kita ada hak. Mana boleh dipaksa?” Raju merungut membantah paksaan itu.

“Kita bising di sini pun tiada guna. Aku cadangkan kita buat referendum. Kita selidik berapa ramai daripada penuntut universiti ini yang tidak bersetuju dengan paksaan ini. Kemudian, kita berkumpul ramai-ramai dan berdemo tanda tidak puas hati kita.” Lim memberikan cadangannya.

“Aku setuju dengan cadangan kau tu.” Alif memberikan respon.

Raju turut bersetuju dengan rancangan Lim itu. Sejenak selepas itu, mereka bertiga memulakan langkah pertama, iaitu mengadakan soal selidik tentang pandangan mahasiswa lain tentang paksaan yang dikenakan ke atas mereka itu. Keputusan seperti yang dijangka. Lebih 90% daripada penuntut universiti tersebut membantah paksaan itu.



Gambar hiasan

Alif yakin ramai yang akan turun berhimpun bersama mereka untuk menyatakan rasa tidak puas hati masing-masing. Langkah seterusnya diambil oleh Alif, Lim dan Raju, iaitu menampal poster makluman tentang demonstrasi membantah pemaksaan yang dikenakan ke atas mereka. Demonstrasi akan dijalankan petang ini.

Ketika petang menjelang, penuntut-penuntut universiti itu mulai membanjiri tapak parkir bangunan pentadbiran, iaitu tempat yang akan berlangsungnya demonstrasi membantah pemaksaan terhadap mereka. Setiap daripada mereka membawa sepanduk yang tertera kata-kata membantah pemaksaan tersebut. Semua mahasiswa yang hadir bersemangat melaungkan hak masing-masing yang dinoda oleh sebuah parti politik. Semangat mereka tetap membara walaupun kelihatan beberapa anggota polis bantuan sedang bergerak ke arah mereka.

“Jangan gentar rakan-rakan. Ini hak kita. Berjuanglah! Jangan kita pulang selagi belum menggenggam kejayaan,” jerit Alif kepada semua peserta perhimpunan itu.

“Betul. Mari semua. Kita terus maju ke hadapan. Jangan sedikit pun rasa takut.” Raju turut bersuara sebagai memberi motivasi kepada peserta perhimpunan.

“Semua diminta berhenti. Jika anda teruskan langkah, kami akan ambil tindakan.” Salah seorang polis bantuan itu menggunakan pembesar suara bagi menarik perhatian peserta-peserta perhimpunan.

Semua peserta berhenti seketika tatkala terkejut terdengar bunyi pembesar suara yang kuat itu. Tanpa sedikitpun rasa gentar, Alif terus maju ke hadapan untuk bertemu dengan polis bantuan itu.

“Kami cuma nak hak kami. Kami bukan robot. Kami tak boleh dipaksa. Kebebasan milik kami,” kata Alif.

Kata-kata Alif disambut laungan semangat daripada peserta-peserta perhimpunan yang gah berdiri di belakangnya. Kesemua mereka

memberikan sokongan yang penuh kepada Alif yang berani tampil ke hadapan untuk bersemuka dengan polis bantuan itu.

Suasana menjadi agak tegang apabila polis bantuan itu seakan-akan tidak mampu mengawal dirinya. Dia sudah meninggikan tangannya untuk menampar muka Alif. Namun, nasib menyebelahi mereka apabila pergaduhan itu berjaya dileraikan oleh peserta-peserta lain.

Beberapa agensi media turut datang membuat liputan tentang perhimpunan yang berlangsung itu. Kesemua peserta perhimpunan terus bersemangat melaungkan bantahan serta menjulang tinggi sepanduk-sepanduk yang mereka bawa. Biar satu dunia tahu mereka dipaksa oleh sebuah parti yang sudah tidak mendapat sambutan di hati rakyat.

Setelah satu jam perhimpunan itu berlangsung dengan aman, ada pihak ketiga yang datang untuk membuat kacau. Beberapa trak FRU tiba di situ diiringi dua buah trak polis. Semuanya lengkap berperisai. Gas pemedih mata mula dilepaskan. Namun, itu tidak sesekali mematahkan semangat penuntut-penuntut universiti itu untuk terus berdemo. Mereka tetap bersemangat, walaupun ada yang sudah rebah akibat terkena gas tersebut.

“Anda semua diminta berhenti berdemo sekarang juga!” Salah seorang anggota polis cuba untuk menghentikan demonstrasi itu.

Alif terus mara ke arah polis itu untuk bersemuka. Namun, dua orang anggota polis lain datang memeluknya sambil gari disangkut pada pergelangan tangannya. Alif diberkas. Turut mengalami nasib yang sama dengannya ialah Lim dan Raju. Mereka ditahan kerana menganjurkan demonstrasi tersebut.

“Teruskan berjuang sahabat semua. Walaupun saya ditangkap, tetapi semangat kita tidak pernah pudar. Bangkitlah Mahasiswa! Pertahankan hak kita,” jerit Alif. Mereka bertiga kemudiannya diheret masuk ke dalam trak polis untuk disoal siasat. ##

(sambung dari m/s 10)

Tanpa gerakan pekerja yang kuat sebagai sokongan untuk pekerja dalam memperjuangkan hak pekerja, memang mendatangkan masalah yang serius kepada golongan pekerja. Tambahan pula dengan perubahan dalam sifat kerja, iaitu jaminan pekerja yang semakin terhakis (seperti perluasan sistem kerja kontrak dan penyumberluaran tenaga kerja), pengorganisasian kesatuan sekerja menjadi semakin lemah.

Walau betapa susah menubuhkan kesatuan sekerja ataupun dalam keadaan yang tiadanya kesatuan sekerja yang sah di sisi undang-undang, pekerja-pekerja masih boleh berorganisasi. Organisasi pekerja adalah amat penting untuk mempertahankan hak pekerja daripada terus dihakis.

Antara perubahan dasar dan undang-undang yang diperlukan untuk memastikan hak kesatuan sekerja ialah pengiktirafan kesatuan sekerja secara automatik, iaitu sesebuah kesatuan sekerja tidak memerlukan persetujuan majikan untuk membolehkannya didaftar sebagai kesatuan yang dapat mewakili

pekerja secara sah di sisi undang-undang.

Hak pekerja yang kita nikmati pada hari ini, walaupun amat tidak mencukupi, tetapi masih merupakan hasil perjuangan pekerja yang lampau. Jika perjuangan pekerja tidak diteruskan dengan kekuatan yang lebih hebat, segala hasil yang dinikmati pada hari ini juga akan dihakis terus di bawah sistem kapitalis.

Dalam keadaan seluruh dunia yang sentiasa dihantui krisis ekonomi, golongan pekerja yang berpendapatan rendah sentiasa akan dimangsakan setiap kali berlakunya krisis, walaupun penyebab krisis ialah mereka yang memeras pekerja, iaitu kelas kapitalis parasitik yang tidak menghasilkan apa-apa yang berguna kepada masyarakat. Untuk membebaskan diri daripada belenggu ini, pekerja-perja tiadanya pilihan yang lain kecuali berorganisasi, menjalankan pendidikan politik yang berterusan, meningkatkan kesedaran kelas pekerja dan memobilisasi untuk perubahan. Golongan pekerja hanya dapat mempertahankan maruah dan kepentingan bersama kelas pekerja melalui kuasa kolektif pekerja. ##





(sambung dari edisi Jun-Jul 2017)

Pendapatan kerajaan datang daripada percukaian dan hasil bukan cukai (seperti pendapatan syarikat milik kerajaan, denda, kutipan bayaran daripada pengeluaran permit atau lesen, pinjaman kerajaan, penjualan aset kerajaan dan sebagainya). Perbelanjaan kerajaan pula digunakan untuk memastikan seluruh jentera kerajaan itu berfungsi secara normal dan memberi perkhidmatan kepada rakyat. Sekiranya wujud defisit dalam imbalan kira-kira, kerajaan boleh menyelesaikannya dengan menggunakan simpanan dana kerajaan yang sedia ada ataupun mewujudkan hutang negara (meminjam terus dari bank atau mengeluarkan bon).

Kerajaan mengeluarkan bon secara amnya menjanjikan kepada pemegangnya bahawa adanya pembayaran faedah secara berkadar dan akan membayar semua nilai muka pada tarikh kematangan bon. Bon yang dikeluarkan oleh kerajaan biasanya dikira dalam matawang domestik negara itu sendiri. Kerajaan juga boleh mengeluarkan bon dalam bentuk matawang asing, yang biasanya dijual kepada bank-bank di peringkat antarabangsa.

Pengumpulan modal melalui hutang

Pada peringkat kapitalisme monopoli, modal yang dikumpulkan oleh kapitalis besar adalah begitu banyak sekali. Mereka tidak simpan modal itu dalam peti keselamatan yang tersembunyi dalam rumahnya, tetapi melaburkannya semula untuk mendapatkan keuntungan yang lebih lumayan lagi. Dengan perkembangan pesat kapitalisme kewangan, kitaran nilai surplus dalam bidang kewangan jauh lebih menguntungkan daripada melaburkan modal dalam pengeluaran industri. Maka, bank-bank dan kapitalis kewangan memegang semakin banyak modal kewangan daripada modal-modal yang dibuang ke dalam pasaran modal kewangan.

Penjanaan hutang telah menjadi satu kaedah untuk memperhebatkan pengumpulan modal. Bank-bank dengan bantuan daripada dasar kerajaan, memaksa pekerja untuk mendapatkan pinjaman bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Bank-bank multinasional pula mengumpukan negara-negara yang mengalami defisit atau memerlukan dana besar untuk pembangunan supaya mendapatkan pinjaman daripada mereka. Oleh yang demikian, hutang semakin bertimbunan. Penimbunan hutang yang semakin banyak bermakna pengumpulan modal yang semakin besar untuk kapitalis kewangan.

Hutang



Penjajahan baru dengan hutang

Ambil contoh Krisis Hutang Negara Greece sejak tahun 2009. Hutang kerajaan Greece bertimbunan besar apabila bank-bank besar di Eropah (seperti bank-bank di Perancis dan Jerman) mengumpunnya untuk meminjam wang sejumlah besar yang mungkin. Bank-bank itu dengan ghairahnya meminjam keluar wang itu kerana mereka mempunyai terlalu banyak nilai surplus yang perlu dikitarkan semula untuk nilai surplus yang lebih banyak. Apabila terjadinya Krisis Kewangan Sedunia pada tahun 2008, bank-bank di Eropah menghadapi masalah likuiditi yang tidak mencukupi, dan mulai bimbang bahawa kerajaan Greece yang tidak mampu bayar balik hutang (kerana kadar hutangnya sudah terlalu tinggi) akan membankrapkan mereka. Pada masa itu, Suruhanjaya Eropah (Eurogroup), Bank Pusat Eropah (ECB) dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mencampurtangan untuk membantu bank-bank yang bermasalah. Jawatankuasa yang dibentuk oleh ketiga-tiga institusi tersebut untuk menangani krisis hutang di Eropah itu digelar "Troika". Troika menyelamatkan bank-bank yang

meminjam wang kepada Greece dengan membayar hampir semua hutang itu, dan Troika pula menjadi pemiutang kepada kerajaan Greece selepas itu. Troika memaksa kerajaan Greece untuk melaksanakan dasar-dasar penjimatan (*austerity*) sebagai syarat-syarat itu mendapat "bantuan" tersebut, dan kerajaan Greece perlu teruskan pembayaran balik hutangnya dengan faedah kepada Troika.

Negara-negara Dunia Ketiga atau negara-negara sedang membangun terjerumus dalam perangkap hutang, akibat daripada pemangsaan oleh sistem kitaran modal kewangan kapitalis.

Negara-negara Dunia ketiga hampir kesemuanya pernah dijajah oleh kuasa-kuasa besar (iaitu negara barat yang paling awal melangkah masuk ke dalam mod pengeluaran kapitalis). Negara-negara Dunia Ketiga dijadikan miskin dan mundur akibat daripada penjajahan kuasa imperialis. Selepas mencapai kemerdekaan, negara-negara Dunia Ketiga berada dalam keadaan yang tidak seimbang dari segi pembangunan ekonomi berbanding dengan negara-negara kapitalis yang maju. Melalui institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF, negara-negara kapitalis maju meminjam wang kepada negara-negara sedang

Bahagian 2

membangun, dengan syarat negara-negara sedang membangun perlu melaksanakan "Program Pengubahsuaian Struktur" ke atas ekonominya supaya membolehkannya membayar balik pinjaman itu. "Program Pengubahsuaian Struktur" sebenarnya adalah membuka pintu kepada penjajahan dalam bentuk baru (iaitu secara halusinya melalui penguasaan ekonomi) dan memastikan negara-negara sedang membangun terus dikuasai oleh kuasa kapitalis negara maju. Negara-negara sedang membangun yang berhutang banyak membelanjakan lebih banyak wang untuk membayar balik pinjamannya daripada membasmi kemiskinan dan menyediakan perkhidmatan asas kepada rakyatnya. Oleh sebab tahap hutang yang tinggi, negara-negara penghutang akan terus tertakluk pada syarat-syarat pemiutangnya yang mendesak supaya melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang membolehkan kapitalis transnasional untuk memerah lebih keuntungan.

Hutang telah menjadi alat untuk pengumpulan modal dalam kitaran nilai surplus kapitalis tanpa aktiviti pengeluaran yang sebenar. Hutang juga menjadi senjata kepada kapitalis monopoli transnasional untuk meneruskan penjajahan ke atas negara-negara yang kurang membangun. ##



Sumbangan & peranan wanita dalam melestarikan alam

oleh Ayyubella

Manusia dan alam adalah entiti yang saling berhubung membentuk satu kitaran rantai bumi. Alam semula jadi berfungsi sebagai “pusat perkhidmatan ekosistem” yang memberi sumbangan besar (makanan, serat, tenaga, air minuman, bahan binaan, perubatan semula jadi dan lain-lain lagi) kepada kehidupan manusia. Mutakhir ini, proses urbanisasi tanpa sempadan dilihat sebagai usaha efisien dalam memajukan pembangunan negara. Pelbagai projek sosioekonomi dijalankan dengan rancak. Kegiatan penjarahan hutan dan pembalakan tanpa batasan seakan menjadi polisi utama para pemerintah dalam merancang perkembangan ekonomi - negara, negeri, daerah, kawasan setempat. Tidak hairanlah mengapa saban hari negara dijamu isu-isu kronik melibatkan alam sekitar, seperti tanah runtuh, banjir, pencemaran, krisis ekologi dan sebagainya.

Sempena sambutan Hari Bumi pada 22 April lepas, saya terpanggil untuk membincangkan pertalian wanita dalam ekologi alam sekitar. Wanita dan alam semulajadi saling berkait dalam beberapa aspek: status biologikal, peranan reproduktif, diskriminasi, maka itu wujud satu gerakan disebut ekofeminisme yang berfungsi sebagai pusat teori, falsafah dan metode praktikal dalam mencari solusi kepada permasalahan serta degradasi alam sekitar. Demografi serta peranan wanita dalam konteks perlestarian ekosistem telah terbukti dengan wujudnya gerakan seperti Chipko di India, di mana golongan wanita memeluk pokok sebagai aksi protes dan resistansi untuk menghalang aktiviti pembalakan. Tragedi Love Canal yang melibatkan pembuangan lebih 20,000 tan bahan kimia menyaksikan Lois Marie Gibbs sebagai susuk penting (pemimpin utama) yang berjaya menyuntik kesedaran dan semangat penduduk di Love Canal untuk bangkit

mendesak kerajaan AS supaya memindahkan mereka jauh dari kompaun yang tercemar. Manakala gerakan Green Belt di Kenya pula membawa idea penanaman semula dan idea ini dipraktikkan dengan penglibatan kaum wanita yang terdiri dari kaum ibu (suri rumah) menanam semula pokok-pokok di kawasan gersang. Wangari Maathai, pengasas gerakan Green Belt telah dinobatkan penghargaan Nobel pada tahun 2004.

Kesedaran masyarakat seluruh dunia mewujudkan satu dimensi global dalam melihat perubahan iklim, penipisan ozon, lambakan sisa toksik, kemusnahan sumber biologi dan ekologi sebagai punca dan akibat pemusnahan alam semulajadi sehingga membentuk jaringan gerakan golongan environmentalis diterajui oleh wanita di seluruh dunia. Wanita telah berjaya mencatatkan kejayaan dalam menangani masalah ini. Di Selatan India misalnya, wanita menyedari bahawa degradasi produktif tanah telah membawa kepada gangguan saliran air yang mengakibatkan hakisan tanah seterusnya merencat kesuburan tanah sehingga mereka kehilangan tanaman dan sumber makanan. Mereka secara kolektif memajak semula tanah tersebut dan membungkakan penanaman semula melalui kaedah pertanian tradisional. Hasilnya, 700 ekar tanah berjaya dipulihkan dalam masa tiga tahun melalui cara pemulihan ekologi. Justeru, tidak keterlaluan sekiranya wanita diangkat sebagai agen pembudayaan alam sekitar memandangkan peranan dan usaha wanita telah terbukti:

- Sebagai pengurus dan pemulih yang efisien terhadap alam semulajadi
- Rehabilitator alam semulajadi dalam erti perlestarian mampan alam sekitar
- Pencipta inovasi dalam penggunaan teknologi/kaedah yang bersesuaian dalam membentuk serta memulih persekitaran baru

Saya bersetuju bahawa tugas menyelenggara alam sekitar seharusnya merentasi jantina, tetapi kaum wanita ibarat “kunci penting” dalam pengurusan sumber alam, dan menjadi penyumbang utama pemuliharaan serta pemulihan alam sekitar. Wanita memiliki potensi besar dalam produksi sampah setiap hariannya (sampah kosmetik, aksesori, hingga sampah rumah tangga). Penghasilan barangan aksesori dan pakaian (barang perhiasan, kasut, tas, seluar, jaket, dan sebagainya) wanita yang berasaskan sumber asli seperti emas, platinum, batu permata, kulit haiwan juga turut menyumbang kepada kepincangan alam sekitar. Oleh itu, fitrah wanita mencintai kecantikan harus diimbangi dengan sikap kasihkan alam.



Peranan menjaga kesejahteraan environmental bukan sahaja harus dimainkan oleh pemimpin atau aktivis wanita, sebaliknya harus dimulakan dari unit paling kecil yang meliputi setiap lapis masyarakat, status ekonomi, termasuklah individu. Suri rumah contohnya, adalah individu dari unit kecil yang berperanan dalam pengurusan sisa buangan isi rumah. Selain itu, sosialisasi pendidikan berkenaan konsep kitar semula di setiap peringkat juga adalah kunci yang membentuk bahagian penting dalam strategi pengurangan penggunaan tenaga dalam membantu usaha pemuliharaan alam sekitar. Oleh itu, wanita memikul peranan kritikal sebagai mentor (pendidik) kepada anak-anak dan masyarakat dalam mewujudkan kesedaran ini.

Walau bagaimanapun, status isolasi

wanita (yang dicipta oleh sistem patriarki pemerintah) dalam perihal “membuat keputusan” berkaitan alam sekitar menjadi punca suara dan buah fikiran kami dipandang enteng. Pihak pemerintah seharusnya menggalakkan akses (penyertaan) wanita di setiap peringkat jawatankuasa (rendah mahupun tertinggi) dalam membincangkan soal halatujau alam sekitar negara, selain menangani ketidakseimbangan jantina dalam proses membuat keputusan. Pemerkasaan wanita dalam hal ehwal pembangunan mampan alam sekitar harus diiktiraf dan disokong. Wanita adalah representasi ibu Bumi yang mendidik masyarakat menjadi individu prihatin dalam menjalankan tanggungjawab sosial sebagai pemelihara alam semulajadi di bumi ini. ##



Gerakan Chipko di India

KUIZ PEKERJA

Berapakah jam kerja lebih masa maksimum yang dibenarkan dalam satu bulan?

(Jawapan di m/s 3)


Sudut Komik

Nasib rakyat sebelum dan selepas pilihanraya (versi lembu)

Sebelum Pilihan Raya



Selepas Pilihan Raya



2017